PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 - 2025

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021-2025

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 - 2025

© Kementerian Pengajian Tinggi 2021

Cetakan pertama, 2021
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025

ISBN 978-967-19529-1-7

9 7 8 9 6 7 1 9 5 2 9 1 7

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pengajian Tinggi
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya Malaysia
www.mohe.gov.my

Reka bentuk dan dicetak oleh:
D'FA Print Sdn. Bhd.

ISI KANDUNGAN

17 PENDAHULUAN

27 SITUASI SEMASA

39 ISU DAN CABARAN

49 PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN

77 PEMANTAUAN & PENENTU KEJAYAAN

83 PENUTUP

Mutiara Kata

Menteri Pengajian Tinggi

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kemunculan COVID-19 pada awal tahun 2020 telah membawa perubahan yang besar kepada kehidupan manusia dari pelbagai sudut. Ekonomi mula terjejas, pendidikan terkesan dan kita perlahan-lahan mula mengadaptasi kepada norma baharu. Tidak dapat dinafikan, impak paling ketara kesan daripada virus ini adalah sebahagian besar aktiviti ekonomi terhenti dan mengakibatkan industri tidak dapat menjalankan operasi mereka. Ini menyebabkan industri kehilangan sumber pendapatan untuk menanggung kos pengoperasian, dan pada masa yang sama terpaksa mengurangkan bilangan pekerja. Dianggarkan kira-kira 1.25 billion tenaga kerja di seluruh dunia terkena tempias situasi ini. Di Malaysia sahaja seramai 2.4 juta dianggarkan hilang punca pencarian dengan 67 peratus daripadanya tergolong sebagai pekerja tidak mahir.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab melahirkan modal insan dan tenaga kerja untuk negara, keadaan ini ternyata memberikan cabaran yang besar kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Tanggungjawab untuk mempersiap bakal graduan dengan kemahiran baharu agar memenuhi keperluan semasa industri menjadi perkara yang amat kritikal. Hakikatnya, landskap pekerjaan telah berubah dan menuntut kaedah bekerja yang baharu.

> “Strategi serta inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dirangka secara komprehensif dan holistik dengan matlamat untuk menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.”

Dalam hubungan ini, penghasilan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 dilihat sebagai respons strategik Kementerian yang tepat pada masanya. Strategi serta inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dirangka secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global. Tuntasnya, pelan yang berimpak tinggi ini wajar dijadikan panduan oleh semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan masing-masing.

Menjadi harapan saya agar semua pihak memberikan kerjasama dan komitmen penuh dalam menjayakan aspirasi pelan strategik ini. Sesungguhnya, gabungan kepakaran akademia-industri dengan usaha pemerkasaan pelajar akan memperkukuh lagi ikhtiar untuk melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan. Insya Allah.

DR. NORAINI AHMAD

Setitis Tinta

Ketua Setiausaha

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 ditampilkan sebagai satu dokumen dasar yang menjadi panduan kepada institusi pendidikan tinggi di negara ini dalam menjayakan agenda kebolehpasaran graduan. Gagasan strategi dan inisiatif ke arah mencapai sasaran kadar kebolehpasaran graduan pada tahap 80% - 85% menjelang tahun 2025 digariskan satu per satu agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Terdapat empat strategi utama yang menjadi fokus pelan ini, iaitu pengukuhan kecemerlangan bakat; peluasan kerjaya pelajar; pemantapan pengajaran dan pembelajaran; serta pemerkasaan hubungan industri. Penetapan strategi-strategi ini adalah didasari analisis terperinci terhadap situasi serta isu dan cabaran semasa yang didepani bukan sahaja di peringkat Kementerian, tetapi juga ekosistem pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

> “Pelan Strategik ini dijadikan sebagai panduan utama oleh semua IPT dalam merencana pembangunan pelajar untuk tempoh lima tahun akan datang.”

Sesungguhnya, menjadi harapan Kementerian agar dokumen strategik ini dapat dihayati dan dipantau pelaksanaannya secara menyeluruh oleh pihak berkenaan. Syabas dan tahniah saya zahirkan kepada pihak yang telah bekerjasama merealisasikan penghasilan naskhah ini. Saya yakin pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan inklusif dalam melonjakkan kebolehpasaran graduan, seterusnya melahirkan graduan yang lebih unggul dan kompetitif.

DR. MAZLAN YUSOFF

VISI dan MISI

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan

VISI

Ke arah **graduan holistik dan seimbang** dengan nilai kebolehpasaran global

MISI

Melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan melalui perkembangan bakat pelajar yang holistik, penyediaan **ekosistem pembelajaran kondusif** yang dibangunkan bersama **industri** dan berteraskan **teknologi** terkehadapan

PROSES PENYEDIAAN PSKG

Pelan strategik kebolehpasaran graduan dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus dengan lebih 100 kumpulan perbincangan. Kumpulan ini terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal universiti, kementerian dan jabatan kerajaan, agensi, badan berkanun, industri serta masyarakat.

65

Lab
(Penulisan Semula & Pemurnian)

50

Agensi
Terlibat

42

Sesi Pembentangan & Pemetaan

Penyediaan pelan ini adalah susulan daripada kajian semula *The National Graduate Employability Blueprint* 2012 - 2017. Kumpulan perbincangan yang terlibat merangkumi pakar bidang ekonomi, sumber manusia, pendidikan tinggi, pengurusan strategik, sains sosial, pengajian Islam dan bahasa. Kementerian juga turut mengadunkan semua pelan strategik dan kertas dasar di peringkat Kementerian seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi), *Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talent*, Pelan Tindakan Keusahawanan dan Kertas Kajian Analisis Kebolehpasaran Graduan 2015 - 2019 bagi merangka konsep strategi, inisiatif dan aktiviti yang terkini selaras dengan situasi semasa.

TUJUAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 - 2025

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 (PSKG) diwujudkan untuk menyokong lonjakan pertama dan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Pelan Strategik ini digubal bagi melahirkan graduan holistik yang seimbang dan bercirikan keusahawanan, menjadi sumber rujukan IPT dalam melaksanakan inisiatif kebolehpasaran graduan, dan memastikan bahawa peratusan kebolehpasaran graduan IPT melebihi 80% setiap tahun sehingga 2025. Penghasilan pelan strategik ini melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi pusat, kementerian, jabatan, agensi dan badan berkanun, agensi swasta serta juga IPT melalui beberapa siri bengkel pemetaan dan penggubalan pelan.

Tiga objektif strategi PSKG adalah:

1. Melahirkan graduan IPT yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi;
2. Menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi; dan
3. Membangunkan bakat graduan bagi peningkatan sosioekonomi negara yang seimbang dan mampan.

PSKG ini menggariskan 4 strategi, 13 inisiatif dan 31 aktiviti. Empat strategi yang dirancang menekankan aspek strategi pengukuhan kecemerlangan bakat; peluasan kerjaya pelajar; pemantapan pengajaran dan pembelajaran; dan pemerkasaan hubungan industri.

RAJAH 1 : Ringkasan Eksekutif PSKG

Strategi Pertama: Pengukuhan Kecemerlangan Bakat mempunyai 4 inisiatif dan 8 aktiviti untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, dan melahirkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21.

Strategi Kedua: Peluasan Kerjaya Pelajar mempunyai 4 inisiatif dan 11 aktiviti melalui penetapan sasaran petunjuk prestasi utama atau *Key Peformance Indicator* (KPI) Pengurusan Tertinggi IPT, untuk kadar kebolehpasaran melebihi 80% setiap tahun dan melahirkan graduan usahawan atau ekonomi gig.

Strategi Ketiga: Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mempunyai 2 inisiatif dan 4 aktiviti, agar aktiviti pengajian di IPT memenuhi keperluan industri 4.0, dan tenaga pengajar di IPT melibatkan pengamal/pakar industri.

Strategi Keempat: Pemerkasaan Hubungan Industri mempunyai 3 inisiatif dan 8 aktiviti, untuk meningkatkan penglibatan industri secara berstruktur kepada semua pelajar, penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional dan pencapaian indeks kepuasan majikan.

DEFINISI

Kebolehpasaran Graduan

The National Graduate Employability Blueprint (2012 - 2017) telah memperincikan komponen kebolehpasaran graduan yang terdiri daripada graduan bekerja; graduan yang melanjutkan pengajian; graduan yang sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; dan graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan sejak tahun 2006. Kajian ini seterusnya dilaksanakan secara dalam talian mulai 2012 menggunakan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi mengesan status semasa kebolehpasaran graduan dalam tempoh 6 bulan selepas mereka menamatkan pengajian. Graduan yang terlibat dalam kajian ini adalah merangkumi graduan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di peringkat pengajian Sijil Kemahiran Tahap 1 hingga Diploma Kemahiran Tahap 5 serta graduan IPT di peringkat Sijil; Diploma; Diploma Kolej Vokasional; Sarjana Muda dan setaraf; Sarjana dan setaraf; serta Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf. Mulai tahun 2018, skop kajian telah diperluaskan meliputi graduan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional *(technical and vocational education and training-TVET)* di semua ILKA Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kajian melalui SKPG ini melaporkan kadar kebolehpasaran graduan yang definisinya dijajarkan kepada komponen kebolehpasaran graduan *National Graduate Employability Blueprint* (2012 – 2017).

Kadar Kebolehpasaran Graduan IPT

Kadar kebolehpasaran graduan berupaya memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja daripada industri. Semakin tinggi kadar kebolehpasaran graduan yang dilaporkan, semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPT dan berupaya memenuhi permintaan semasa industri, begitu juga sebaliknya.

Kaedah Pengukuran

$$\frac{\text{Jumlah responden yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan semasa tempoh kajian}}{\text{Jumlah keseluruhan responden dalam kajian pengesanan graduan semasa tempoh kajian}} \times 100$$

01

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Sistem dan kualiti pendidikan tinggi negara telah melalui beberapa fasa transformasi seiring dengan peredaran waktu dan situasi semasa. Bukti kejayaan pendidikan tinggi pastinya dilihat kepada kemampuan menghasilkan graduan yang berdaya saing, relevan kepada pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

Iltizam KPT untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan mula ditonjolkan melalui pembangunan *The National Graduate Employability Blueprint* 2012 - 2017. Kerangka ini menekankan transformasi yang melibatkan kementerian, IPT serta kerjasama industri untuk menghasilkan graduan yang dapat memenuhi permintaan industri semasa dan juga masa hadapan.

Transformasi ini kemudiannya diperkukuh dengan pembangunan PPPM 2015 - 2025 (PT). Lonjakan Satu menekankan kepada graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, sementara Lonjakan Empat memfokuskan graduan TVET yang berkualiti. Graduan yang dilahirkan IPT yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi diharapkan dapat menyumbang kepada pasaran tenaga buruh pada peringkat tempatan dan global.

Oleh itu, satu pelan strategik yang menyeluruh dan komprehensif disediakan, untuk dijadikan sumber rujukan dan panduan yang jelas bagi meneruskan agenda kebolehpasaran graduan.

Rajah 2 : 10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)

HALA TUJU STRATEGI KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Hala tuju Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025 adalah seiring dan menyokong pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi).

Visi PSKG 2021 - 2025 adalah untuk menghasilkan graduan yang kompeten dengan ciri-ciri holistik serta seimbang dari segi kemahiran dan pengetahuan dengan nilai kebolehpasaran global. Manakala, misi PSKG 2021 - 2025 pula adalah untuk melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan melalui perkembangan bakat pelajar yang holistik, penyediaan ekosistem pembelajaran kondusif yang dibangunkan bersama industri dan berteraskan teknologi terkehadapan. Visi dan misi ini dapat dicapai melalui strategi, inisiatif dan aktiviti yang dirancang dalam Pelan Strategik ini.

Pelan Strategik ini mempunyai empat strategi utama. Hala tuju dan hasil yang disasarkan untuk **Strategi pertama** iaitu pengukuhan kecemerlangan bakat adalah bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar dan melahirkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. **Strategi kedua** iaitu peluasan kerjaya pelajar menekankan KPI Pengurusan Tertinggi IPT agar kadar kebolehpasaran graduan dicapai melebihi 80% setiap tahun, dan melahirkan graduan usahawan atau ekonomi gig. **Strategi ketiga** iaitu pemantapan pengajaran dan pembelajaran mempunyai dua inisiatif dan empat aktiviti, menyasarkan aktiviti pengajian di IPT yang memenuhi keperluan industri dengan elemen 4.0, dan tenaga pengajar di IPT yang melibatkan pengamal atau pakar industri. **Strategi keempat** iaitu pemerkasaan hubungan industri yang menyasarkan peningkatan penglibatan industri secara berstruktur kepada semua pelajar, penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional dan mencapai indeks kepuasan majikan.

Di samping itu, ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang lengkap serta kondusif perlu disediakan sejajar dengan keperluan industri pada masa kini dan akan datang. IPT perlu melaksanakan inisiatif dan aktiviti dalam pelan strategik yang telah dirangka agar dapat melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan diterima oleh industri.

DASAR DAN AKTA BERKAITAN

PSKG 2021 – 2025 didasari oleh akta-akta yang berkaitan, pelan pembangunan dan garis panduan serta perancangan pada peringkat kementerian dan nasional.

Pelan strategik ini akan menjadi pendukung dan penyumbang kepada kejayaan perancangan kebolehpasaran graduan negara berlandaskan peraturan dan undang-undang yang telah termaktub.

- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- Rancangan Malaysia Ke-11 dan ke-12
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)
- Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 *Industry4WRD*
- Dasar Keusahawanan Nasional 2030
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- *The National Graduate Employability Blueprint* 2012 - 2017

PENARAFAN UNIVERSITI

Terdapat pelbagai jenis penarafan universiti di dunia. Antara penarafan biasa yang digunakan ialah *QS World University Ranking, World University Ranking, Times Higher Education dan Shanghai Academic Rankings of World Universities* dan sebagainya.

QS World University Rankings merupakan satu daripada penarafan yang menetapkan enam indikator pengukur, iaitu Reputasi Akademik, **Reputasi Majikan**, Ratio Fakulti dan Pelajar, Sitasi Fakulti, Ratio Fakulti Antarabangsa dan Ratio Pelajar Antarabangsa. Indikator yang berkaitan kebolehpasaran graduan iaitu Reputasi Majikan mempunyai pemberat sebanyak 10% berdasarkan metrik soal selidik ke atas 50,000 majikan dan industri, digunakan untuk menentukan IPT yang paling kompeten, inovatif, dan berupaya melahirkan graduan yang paling efektif kepada mereka.

Penarafan **QS Kebolehpasaran Graduan** *(QS Graduate Employability Rankings)*, merupakan satu daripada cabang *QS World University Ranking*. Indikator dan pemberat yang digunakan ialah Kadar Graduan Bekerja 10%; Kolaborasi dengan Majikan 25%; Reputasi Majikan 30%; Alumni yang dihasilkan 25%; dan Hubungan antara Pelajar dengan Majikan 10%.

Penarafan memberikan kesan secara tidak langsung terhadap reputasi dan kualiti IPT. Ia menjadi kayu ukur kedudukan universiti di persada dunia dan merupakan satu daripada faktor pemilihan pelajar untuk kemasukan ke universiti, selain faktor lain seperti kewangan, kursus yang ditawarkan, minat, lokasi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kebolehpasaran graduan memainkan peranan penting dalam menentukan penarafan universiti pada peringkat global.



RAJAH 3 : Penarafan QS Kebolehpasaran Graduan Tahun 2020 (*QS Graduate Employability Rankings*)
Sumber: *QS Graduate Employability Rankings (February 2021)*

TADBIR URUS

Kebolehpasaran Graduan IPT

Pengurusan kebolehpasaran graduan perlu dirancang secara strategik dan dipantau oleh pengurusan tertinggi, untuk memastikan bahawa matlamat kebolehpasaran graduan tercapai. Tadbir urus yang berkesan menerusi pengawalseliaan, kawalan keberkesanan, akauntabiliti dan keterangkuman semua aspek akan mampu mengekalkan prestasi dan daya saing graduan di pasaran tempatan dan global.



Rajah 4: Struktur Tadbir Urus Pelaporan dan Pemantauan Kebolehpasaran Graduan IPT

PIHAK BERKEPENTINGAN

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025 memberi manfaat kepada pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti di IPT dan menerima impak daripada kualiti graduan yang dikeluarkan.



MAJIKAN - Pihak berkepentingan yang mendapat manfaat secara langsung ialah majikan yang akan menerima dan menggaji graduan yang dihasilkan oleh IPT tempatan. Justeru, pelan ini penting untuk memastikan bahawa kualiti graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan majikan dan organisasi.

PELAJAR - Pihak berkepentingan seterusnya ialah pelajar IPT yang akan melalui pengalaman pembelajaran bagi membentuk tahap kecendekiaan, kepakaran, kemahiran, sikap dan sahsiah mereka. Inisiatif yang dirangka dalam Pelan Strategik ini adalah sebagai persediaan pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan.

IPT - Aspek pembangunan serta reka bentuk kurikulum akademik dan aktiviti kokurikulum di IPT perlu mengambil kira pandangan industri, keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa, desakan teknologi 4.0, kemahiran abad ke-21 dan sebagainya untuk memastikan bahawa program pengajian yang ditawarkan di IPT kekal relevan dan memenuhi kehendak industri.

GRADUAN - Di samping itu, graduan IPT juga dianggap sebagai pihak berkepentingan kerana mereka akan menerima manfaat melalui semua inisiatif yang dilaksanakan dalam Pelan Strategik ini. Antara manfaatnya adalah perancangan kerjaya graduan pada peringkat tempatan atau global, kemahiran graduan akan diiktiraf dan digunakan secara optimum, serta gaji yang setara dengan kelayakan akademik yang dimiliki. Selain bekerja dengan majikan, graduan juga diterapkan dengan kemahiran keusahawanan untuk memulakan perniagaan sendiri.

IBU BAPA - Ibu bapa kepada pelajar dan graduan IPT adalah pihak yang mempengaruhi keputusan untuk memilih dan merancang masa depan anak mereka, dari segi bidang pengajian dan kerjaya masa hadapan. Ibu bapa juga akan menerima manfaat apabila graduan yang bekerja dapat membantu meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga.

RAKAN STRATEGIK

Bagi menjayakan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025, kerjasama daripada industri, komuniti/NGO, alumni dan kementerian/agensi adalah perlu dalam pelaksanaan keseluruhan strategi. Sinergi ini adalah berteraskan model hubungan *Triple/Quadruple Helix*, iaitu semua pihak akan saling menyumbangkan peranan dan menerima manfaat masing-masing.

02

SITUASI SEMASA KEBOLEHPASARAN GRADUAN IPT

KHAMIS, 1 OKTOBER 2020

Nasional

PENJANA KPT-CAP harapan baharu graduan

Program jamin pekerjaan selepas tamat kursus ditetapkan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

KitaPrihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Bangi: Kalangan bakal graduan yang sebelum ini mungkin berdebar untuk memasuki alam pekerjaan dalam tempoh ketidaktentuan ekonomi dewasa ini, kini boleh menarik nafas lega kerana sinar di hujung terowong sudah kelihatan untuk mereka membina kerjaya dalam bidang pekerjaan.

Di sebalik khabar ratusan ribu graduan yang bakal memasuki sektor pekerjaan dikatakan bakal berhadapan masa depan suram kerana peluang kerja terhad apabila aktiviti ekonomi menyederhana susulan penularan COVID-19, bantuan untuk mereka tiba menerusi insiatif dilaksanakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

KPT melancarkan Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi-Career Advancement Programme (PENJANA KPT-CAP), yang mana graduan yang menyertai program ini mendapat jaminan untuk masuk ke alam pekerjaan sebaik tamat pengajian.

Majlis pelancaran KPT-CAP Isnin lalu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

PENJANA KPT-C platform untuk bal meningkatkan kem menunjukkan kesun komitmen mereka se rap masuk ke dalam kenaan.

Syarul Amin Ismai fatkan program di KPT itu membuktika kerajaan dalam men ningkatkan kebolehpa duan.

Pelajar Sarjana Mud tra Universiti Kebang ysia (UKM) itu berkat NA KPT-CAP membar dahkan bakal gradua ngunkan kerjaya yan kan.

"Terima kasih atas nan Perdana Menteri. T sih KPT dan terima ka jaan. Bakal graduan k menarik nafas lega k luang pekerjaan sudah sebaik menamatkan pen lak," katanya kepada *BE*

Pelajar Fakulti Ekonom ngurusan UKM, Aisyah Isammudin, 22, berkata ran PENJANA KPT-CAP menangani masalah pengangguran dalam kalangan graduan.

"Diharapkan program yang diperkenalkan kerajaan ini berupaya membantu graduan mendapat pekerjaan sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Pelajar Politeknik Metro Kuala Lumpur, Ihsan Mazlan, 19, pula berharap lebih banyak program seumpama dapat diperkenalkan untuk membantu graduan mendapat pekerjaan.

"Apa yang dilakukan kerajaan, menterjemahkan usaha untuk membantu memberi pendedahan kepada graduan supaya dapat bersama menjayakan agenda nasional. Terima kasih kerajaan kerana membantu kami sebagai golongan graduan," katanya.

Sementara itu, pelajar Politeknik Shah Alam, Danusha Thirumorthy, 19, berkata program yang diperkenalkan KPT itu mendorong pelajar menjadi lebih bertanggungjawab.

"Menerusi program ini, bakal graduan perlu membuktikan kebolehan mereka supaya dapat merebut peluang, sekali gus menjamin pekerjaan ditawarkan pihak industri.

"Sudah semestinya peluang ditawarkan ini tidak boleh disia-siakan begitu sahaja. Komitmen diberikan kerajaan, harus dibalas dengan usaha berterusan oleh graduan," katanya.

Untuk menyertai PENJANA KPT-CAP, graduan boleh memohon melalui portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT) yang disediakan KPT.

Berucap pada majlis pelancaran itu, Muhyiddin berkata, PENJANA KPT-CAP yang julung kali diperkenalkan ini unik kerana graduan dipastikan akan memperoleh pekerjaan selepas menamatkan kursus ditetapkan.

Kursus berkenaan direka mengikut kehendak dan keperluan ditetapkan syarikat yang bakal mengambil graduan terbabit sebagai pekerja mereka.

Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran bukan saja untuk menangani graduan menganggur, malah memastikan gorongan yang hilang pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19 mengekalkan atau meningkatkan kemahiran mereka supaya memanfaatkan peluang ketika ekonomi beransur pulih.

Antara contoh kursus ditawarkan ialah Smart Trucker. Kandungan pengajaran dalam kursus ini direka berdasarkan kemahiran dipertukan syarikat logistik yang mengeluarkan *Letter of Commitment* (LOC) kepada KPT. Justeru, habis sahaja tempoh kursus, graduan ditawarkan bekerja dengan syarikat logistik berkenaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad ketika berucap pada majlis pelancaran, berkata, pihaknya menyasarkan 20,000 graduan mendapat manfaat daripada PENJANA KPT-CAP yang dibahagikan tiga bidang utama iaitu 'Job Matching and Placement', program keusahawanan dan ekonomi gig.

Latihan dalam bidang ekonomi gig bertujuan membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui aktiviti berbentuk *freelancing*.

Hingga kini, katanya, 140 program sudah disusun membabitkan sinergi dengan tidak kurang daripada 100 syarikat.

Diharapkan program yang diperkenalkan kerajaan ini berupaya

PENJANA KPT-CAP

» Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi

MukaSepuluh

Baktiar Hasnan

Pasaran kerja kian mencabar tuntut graduan persiapkan diri

Dalam suasana alam pekerjaan semakin mencabar, lebih 116,000 graduan memerlukan perhatian untuk meningkatkan pekerjaan mereka.

Dianggarkan sekitar 75,000 (25 peratus) daripada 300,000 graduan pada 2020 menghadapi rintangan mendapatkan pekerjaan, enam bulan selepas tamat pengajian.

Kira-kira 41,161 (13.8 peratus) daripada 330, 557 graduan yang lulus pada 2019 pula, masih menganggur berdasarkan kajian pengesanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Hari ini, banyak syarikat terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bukan saja ramai diberhentikan kerja, malah kajian berkaitan pengangguran graduan mendapati banyak peluang pekerjaan ditawarkan pelbagai syarikat tidak sepadan kemahiran dan tahap pendidikan mereka.

Kerja banyak ditawarkan dengan gaji rendah, sama ada dalam kategori kemahiran rendah atau separa mahir, berbanding untuk mereka yang berkemahiran tinggi.

Graduan tidak ada pilihan dan terpaksa juga bekerja supaya tidak menganggur terlalu lama.

Hakikatnya, hari ini graduan memiliki ijazah sarjana muda bekerja sebagai kerani, penghantar makanan, atau operator pengeluaran. Ia realiti semasa yang tidak dapat dielakkan.

Sudah pasti anak muda di universiti hari ini sedar akan realiti ini. Lantas, mereka perlu segera mempersiapkan diri.

Penting untuk graduan mengambil tahu trend pasaran buruh, industri, pekerjaan dan kerjaya. Kualiti diri juga perlu mula dipertingkatkan melalui kemahiran *soft skills* (insaniah) dan ilmu teknikal, selain membina jaringan kepintaran sosial yang lebih luas.

Soalnya, bagaimanakah suasana pekerjaan, kerjaya serta industri semasa ini, memberikan impak positif kepada minda mahasiswa masa kini?

Apakah sikap berterusan - sekadar ambil mudah dan alpa, atau berfikir keadaan akan kembali normal pada kemudian hari serta fokus kepada kecemerlangan akademik semata-mata - akan membolehkan mereka bersaing dengan kompetitif di alam pekerjaan nanti?

Jawapannya sudah pasti tidak. Yang jelas, pekerjaan ditawarkan pelbagai syarikat hari ini semakin kompetitif dari hari ke hari untuk disi, disebabkan ramai pemohon di pasaran.

Graduan bukan sekadar berdepan saingan sengit sesama sendiri, malah mereka yang diberhentikan pekerjaan. Sudah pasti, kerja kosong sedia ada tidak akan diisi dengan bakat yang tidak berbalut oleh mana-mana syarikat.

Sebab itu penting untuk mahasiswa membuat persiapan rapi dalam pelbagai aspek dan ia perlu digerakkan awal mungkin. Jika tidak, mereka akan ditinggalkan, terutama oleh radar yang lebih berbakat dan sudah berpengalaman.

● Pertama, graduan perlu mengenal pemikiran yang betul. Tanya diri sendiri, apa yang mereka mahu dan apa kerjaya impian dinginkan setelah tamat pengajian nanti.

Penting untuk dinilai bagaimana tempoh tiga hingga empat tahun di universiti dimanfaatkan untuk mencorak masa depan.

Sebaliknya, mula menulis dan [illegible] kan pelan kerjaya yang jelas. Seterusnya kan strategi serta rangka bertindakan boleh diambil untuk mencapai apkan diri supaya menjadi insan berbat.

Menyediakan profil karier juga sangat membantu untuk mengenal pasti nilai, minat, serta kerjaya sesuai dengan perwatakan secara lebih jelas.

● Kedua, mahasiswa perlu mendedahkan sikap ingin belajar, sedia mencuba sesuatu yang baharu dan [illegible] yang dekat dengan minat, sekali gus [illegible] ia dipupuk dan dibajai bertahun-tahun lama semasa di universiti.

Fokus kepada sesuatu perkara yang amat dekat di hati dan tingkatkan ilmu, kemahiran serta pengalaman praktikal supaya benar-benar menguasainya.

● Ketiga, mahasiswa perlu [illegible] membaca bahan mengenai laporan dan kajian berkaitan pasaran pekerjaan serta industri. Kenal pasti apakah sesuai pekerjaan kritikal diperlukan industri.

Apakah kemahiran diperlukan industri daripada seorang graduan di alam pekerjaan termasuk memahami maksud [illegible] budaya, nilai organisasi serta pembahagian bisnes mereka dalam bidang apa.

● Keempat, mahasiswa perlu sentiasa mengambil inisiatif untuk berkongsi dan berbincang tentang status semasa persiapan diri dalam menggapai kerjaya impian dan masa depan, bersama staf pasat kerjaya universiti.

Ia penting untuk bersama-sama membantu mahasiswa merangka pelan tindakan persiapan kerjaya diri supaya berkesan dan sistematik. Persiapan kerjaya tanggungjawab mahasiswa untuk [illegible] serta relevan dan kekal kompetitif dalam apa juga perubahan pada masa depan. Penting juga diperkukuhkan 'tawaran nilai kesatuan' kepada bakat mahasiswa jika dengan semata yang luar biasa, [illegible] persiapan seutuhnya semasa di alam kampus.

● Kelima, graduan perlu kerap berinteraksi dengan menyertai pelbagai program kerjaya [illegible] pasat kerjaya universiti. [illegible] hanya sudah kepada pelbagai industri atau sebagai [illegible] gi sesi webinar, bukan [illegible] dengan secara pasif.

Hubungan tangan perkenalan kepada mereka. Bina silaturahim dengan staf [illegible] bahagian sumber manusia syarikat terbabit serta kongsikan apa yang kalian boleh tawarkan untuk memperkembangkan bisnes mereka.

● Keenam, libatkan diri sebagai sukarelawan dalam pelbagai program, inisiatif anjuran industri, syarikat dan sebagainya untuk meningkatkan pengalaman realiti masyarakat yang rencana dan pelbagai kesmah.

Ini membantu mendidik graduan untuk lebih arif dan peka tentang lebih dalam, sikap, tabiat serta tingkah laku [illegible] suatu perkara dalam kehidupan.

Ia juga membantu meningkatkan kualiti insaniah, mengasah bakat, potensi diri dan membentuk karakter dan personaliti.

● Ketujuh, mahasiswa perlu mendapatkan mentor yang baik untuk [illegible] rus-menerus memberikan bimbingan, inspirasi serta tip untuk diri terus bermotivasi mengejar impian walau apa pun cabaran dihadapi.

Apa yang pasti, segala perkongsian pengalaman daripada mentor kepada mahasiswa [illegible] ngat, [illegible] yang [illegible] berdasarkan [illegible] dapi [illegible] dapan.

Apa pun, semua ini bergantung kepada [illegible] "Pupuk dulu, tapa [illegible] ruhnya pantas dengan perubahan teknologi.

Oleh itu, kita sendiri yang perlu [illegible] corakkannya. Slogan 'usaha tangga kejayaan' akan tetap relevan sampai [illegible] ia bila. Jika tidak mulakan sekarang [illegible] ia lagi. Fikir-fikirkan.

Penulis adalah Penasihat Kerjaya, Multimedia University (MMU) Career Connect dan Presiden Persatuan Pusat Pembangunan Kerjaya Nasional

Mahasiswa perlu merangka persiapan pelan kerjaya ketika menuntut di universiti lagi.

Sidang Redaksi

SITUASI SEMASA

Kebolehpasaran Graduan IPT

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan tinggi negara telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dan transformasi.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, melalui universiti serta agensi berkaitan untuk menangani isu kebolehpasaran graduan. Saban tahun, isu graduan menganggur sering dibangkitkan dan Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar masalah ini dapat diselesaikan. Pelbagai pendekatan dan kaji selidik dilakukan dalam mengenal pasti isu berkaitan.

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang amat mencabar bagi kebolehpasaran graduan kerana isu pengangguran semakin meningkat disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Perkembangan ekonomi negara menjadi tidak menentu kesan daripada perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Kadar pengangguran di Malaysia bagi suku tahun keempat 2020 adalah pada kadar 4.8%, iaitu kadar tertinggi sejak 1993 (Jabatan Perangkaan Malaysia, DOSM, Februari 2021). Sekiranya langkah kawalan tidak diambil, situasi ini boleh membawa negara kepada krisis lebih-lebih lagi apabila COVID-19 mengambil masa yang agak lama untuk dibendung.

Walaupun begitu, trend dan peratusan kebolehpasaran graduan IPT dilihat menunjukkan prestasi yang baik dan boleh dipertingkatkan lagi.

TREND

Kebolehpasaran Graduan IPT 2016 - 2020

Kadar kebolehpasaran graduan IPT negara telah meningkat dalam tempoh lima tahun dengan purata 81.3% (Rajah 5).

Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 menunjukkan sedikit penurunan, iaitu 84.4% berbanding 86.2% pada tahun 2019. Dapatan ini membawa maksud kemampuan dan keupayaan graduan yang menamatkan pengajian pada tahun 2020 di pasaran buruh menurun sebanyak 1.8% dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian berbanding tahun 2019. Dengan keadaan negara yang berdepan kesan pandemik COVID-19 khususnya dari aspek ekonomi yang menjejaskan peluang pekerjaan, penurunan ini boleh dikatakan tidak begitu ketara.



RAJAH 5 : Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) IPT, 2016 - 2020

Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan Mac 2020, Kementerian Pengajian Tinggi

PERATUSAN

Kebolehpasaran Graduan IPT 2020



RAJAH 6 : Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut IPT 2020

Sumber : Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi

Kadar kebolehpasaran graduan universiti awam (UA) bagi tahun 2020 direkodkan sebagai 86.7%, iaitu menurun sebanyak 1.1% (2019: 87.8%). Sementara itu, IPT swasta menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 79.4%, iaitu meningkat sebanyak 0.4% (2019: 79%). Bagi politeknik dan kolej komuniti pula, kadar kebolehpasaran graduan yang dicatatkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 91.4% bagi politeknik (berbanding tahun 2019: 96.7%) dan 94.2% bagi kolej komuniti (berbanding tahun 2019: 97.8%). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan bagi politeknik dan kolej komuniti telah menurun, masing-masing sebanyak 5.3% dan 3.6%. Penurunan ini juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan impak COVID-19 yang sedang melanda negara pada tahun 2020.

PERATUSAN

Kebolehpasaran Mengikut Bidang Pengajian

Pada tahun 2020, graduan dalam bidang pengajian Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan menunjukkan kadar kebolehpasaran tertinggi, iaitu 86.5% diikuti oleh bidang Sains, Matematik dan Komputer sebanyak 85.3% dan seterusnya bidang Kesihatan dan Kebajikan dengan kadar kebolehpasaran 84.4%. Secara keseluruhannya, kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 mengikut bidang pengajian menunjukkan peratusan yang menurun berbanding tahun 2019, kecuali bidang Pendidikan.



RAJAH 7 : Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian IPT, 2019 - 2020

Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi

Peratusan kebolehpasaran graduan mengikut bidang ini adalah selaras dengan kaji selidik graduan Malaysia oleh Jobstreet.com (2014 - 2016) yang menyenaraikan tiga bidang pengajian yang majoritinya graduan bekerja dalam bidang yang sama selepas tamat pengajian, iaitu juruukur bahan, kejururawatan dan kejuruteraan, manakala hanya 30% sahaja graduan dalam bidang Sains Politik, Kemanusiaan/*Liberal Arts*, Sains dan Teknologi bekerja dalam bidang sama.



Program Kebolehpasaran Graduan

Pelbagai program kebolehpasaran graduan melibatkan pihak akademik, industri, agensi serta komuniti telah dijalankan pada peringkat IPT dalam usaha memastikan graduan yang dihasilkan adalah progresif, berkualiti, inovatif dan mampu berdaya saing untuk menghadapi masa depan yang sentiasa berubah serta mencabar. Program sedia ada di IPT adalah seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan, Program Pemerkasaan Pengalaman Berasaskan Industri, Program Keusahawanan, Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan, Program CEO@Faculty, *English Language Higher Education Assessment In Malaysia* (ELHAM), Sistem Penilaian Berpandukan *National Outcome Based Learning (NOBLe)*, E-portfolio, Program Ekonomi Gig dan sebagainya.

Program Peningkatan Kemahiran

Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan

Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan yang diselaraskan oleh KPT merupakan aktiviti kepada pelajar tahun akhir yang menjadi peserta program dan diberi jaminan penempatan pekerjaan setelah berjaya menamatkan aktiviti/ kursus yang dihadiri. Inisiatif ini diperkenalkan bagi merapatkan jurang kemahiran graduan dengan permintaan industri.

Usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan ini telah bermula sejak 2008. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan kerjasama universiti sebagai penyelaras, penyedia perkhidmatan yang mempunyai kredibiliti untuk menjalankan latihan serta industri yang akan memberikan jaminan pekerjaan. Kandungan aktiviti mesti mempunyai elemen untuk meningkatkan aspek kelayakan profesional, peningkatan kemahiran (*reskilling & upskilling*), keterampilan diri dan sahsiah.

Program Keusahawanan

KPT telah melancarkan pelbagai aktiviti untuk menyokong inisiatif keusahawanan pada peringkat nasional. Beberapa aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti:

- Bulan Keusahawanan KPT
- Anugerah Keusahawanan Inovatif KPT
- Program Peningkatan Pendidik Keusahawanan (3PK)
- Anugerah Keusahawanan KPT (MEA)
- Program Inkubator Keusahawanan
- Program Kepimpinan Usahawanan (PKU)
- Usahawanan Sosial@Komuniti Bandar
- Aktiviti Menambah Baik Perniagaan Keluarga
- Pameran Siswapreneur
- Etika dan Pematuhan Perniagaan Siswapreneur

Program Ekonomi Gig

Program Ekonomi Gig melibatkan teknik menjana pendapatan secara dalam talian menggunakan kemahiran sedia ada, di mana pelajar turut diberi latihan kemahiran secara dalam talian. Pelajar juga dapat melaksanakan perkhidmatan sebagai *freelancer* dan boleh menjana pendapatan sendiri tanpa mengharapkan penawaran pekerjaan dari industri. Kebanyakan Pusat Kerjaya IPT telah menubuhkan hab Ekonomi Gig di setiap IPT.

Program Akademik

Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan

Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum – FRC*) merupakan model pembelajaran yang lentur dan organik bagi melahirkan graduan yang adaptif dan kalis masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21. FRC mempunyai tiga elemen utama, iaitu:

i. Struktur Kurikulum Lentur dan Organik;
ii. Penyampaian Transformatif (Pengajaran dan Pembelajaran); dan
iii. Pentaksiran Holistik.

Ketiga-tiga elemen ini menjadi teras utama dalam memperkasakan FRC bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran abad ke-21, pemikiran reka bentuk, holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Proses transformasi kurikulum akan diperkasakan melalui pelaksanaan Inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL) yang membantu menerapkan elemen FRC dalam aktiviti akademik.

Sistem Penilaian Berpandukan *National Outcome Based Learning (NOBLe)*

National Outcome Based Learning (NOBLe) adalah pelaksanaan *Outcome Based Education (OBE)* yang bertujuan memperkasakan pengetahuan pensyarah dalam pelaksanaan NOBLe berdasarkan *Future Proof Attributes* di bawah MQF 2.0. Objektif pelaksanaannya adalah seperti yang berikut:

- Mendapatkan maklum balas mengenai tahap pencapaian para pensyarah dalam mengoptimumkan amalan OBE;
- Berkongsi kaedah/mekanisme pelaporan tahap pencapaian pelajar; dan
- Membudaya dan mengukuhkan amalan OBE.

Contoh pelaksanaan NOBLe adalah pelaksanaan sistem penilaian di IPT yang berpandukan pembelajaran berasaskan hasil yang tidak berpaksi kepada peperiksaan semata-mata. Antara kaedah penilaian yang diperkenalkan ialah *real-time assessment*, penilaian holistik dan penilaian berasaskan projek *(project-based learning)*.

English Language Higher Education Assessment In Malaysia (ELHAM)

ELHAM merupakan satu ekosistem pentaksiran yang mengubah landskap pembelajaran dan pengalaman pelajar dalam penguasaan bahasa Inggeris. Penilaian terbahagi kepada dua, iaitu penilaian formal melalui peperiksaan yang dijajarkan kepada *Common European Framework of Reference (CEFR)* dan penilaian pembelajaran tidak formal melalui aktiviti luar kelas berasaskan tugasan *(task-based assessment)*.

Program Pemerkasaan Pengalaman Berasaskan Industri

Terdapat beberapa program bagi pemerkasaan pengalaman berasaskan industri, iaitu program 2u2i, *Work-Based Learning* dan Program Latihan Industri Berstruktur. Program 2u2i merupakan jenama mod program pengajian yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pekerjaan. Ia menggabungkan pembelajaran dalam kampus dan penempatan industri. Terdapat pelbagai kombinasi mod seperti 2u2i (2 tahun di universiti, 2 tahun di industri), 3u1i (3 tahun di universiti, 1 tahun di industri) dan 2u1i (2 tahun di industri, 1 tahun di industri). Melalui program ini, pelajar berpeluang untuk mengaplikasikan pembelajaran teori di persekitaran pekerjaan sebenar, di samping mempertingkatkan kemahiran melalui pengalaman bekerja semasa tempoh pengajian lagi.

Program Latihan Industri Berstruktur atau S*tructured Internship Programme* (SIP) ialah pemerkasaan program latihan industri yang sedia ada. Pelajar akan ditempatkan di industri yang berkaitan dengan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar untuk memastikan bahawa mereka mendapat pengalaman kerja yang sebenar melalui latihan amali yang berkualiti dan berstruktur. Melalui SIP, industri berperanan membangunkan dan menyediakan bakat dan kemahiran yang tepat untuk memastikan pelajar menamatkan pengajian dengan kemahiran yang relevan dengan industri.

Kebanyakan program pengajian telah ditambah baik dengan memastikan latihan industri dilaksanakan pada akhir semester supaya industri dapat menyerap pelajar yang berpotensi untuk menjadi pekerja mereka setelah tamat menjalani latihan industri.

E-portfolio

E-portfolio ialah kompilasi dokumen pengalaman pelajar sepanjang pengajian di universiti. Ia melibatkan pernyataan matlamat kerjaya dengan pengisian tentang pencapaian serta refleksi pelajar. Paparan melalui video ringkas mengenai kemahiran dan kebolehan graduan turut disediakan. Pelajar boleh berkongsi pengalaman pembelajaran serta daya kreativiti masing-masing melalui platform e-portfolio ini.

Program CEO@ Faculty

Program CEO@Faculty merupakan inisiatif di bawah Lonjakan 2 PPPM (PT) 2015 - 2025, iaitu Kecemerlangan Bakat yang bertujuan meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajian IPT. Penglibatan CEO industri tempatan dan juga antarabangsa yang dilantik sebagai Profesor Adjung di IPT dapat memberikan impak kepada pelajar melalui syarahan, khidmat nasihat dan pementoran.

“We may be preparing our students for jobs that might not be there in the future anymore.”

DR. NORAINI AHMAD
Majlis Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi
7 Januari 2021

03

ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN

Kebolehpasaran Graduan

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh KPT dan IPT berkaitan dengan kebolehpasaran graduan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan dan tenaga kerja yang inovatif, kreatif dan berdaya saing di samping meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia.

Namun, masih terdapat beberapa isu asas yang menjadi cabaran telah dikenal pasti melalui sesi libat urus dan perbincangan bersama pihak berkepentingan dan rakan strategik. Antaranya adalah cabaran pekerjaan berasaskan teknologi disruptif dan digital baharu, kemahiran pekerjaan serta inovasi pendidikan abad ke-21. Cabaran penglibatan industri dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kebolehpasaran graduan.

Jobstreet (2018) dalam kajiannya telah mengetengahkan lima punca graduan gagal memperoleh pekerjaan, iaitu memohon gaji atau faedah yang tidak realistik (68%), lemah penguasaan bahasa Inggeris (64%), memilih pekerjaan dan syarikat (60%), lemah dalam berkomunikasi (60%) serta tiada personaliti dan karakter yang meyakinkan (59%). Selain itu, masih terdapat beberapa isu yang sering dibincangkan, iaitu ketidaksepadanan kemahiran yang diperlukan oleh majikan, serta ketidakcekapan padanan permintaan industri berbanding dengan penawaran pekerjaan.

Pelbagai isu dan cabaran dikenal pasti, namun lima permasalahan utama dirumuskan dan menjadi tumpuan yang perlu diberi lebih perhatian.

01

KETIDAKSEDIAAN GRADUAN

02

KECENDERUNGAN GENERASI MILLENNIAL

03

KETIDAKSEDIAAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0

04

KETIDAKSEDIAAN EKOSISTEM SERTA PASARAN BURUH NEGARA

05

DINAMIKA EKONOMI GLOBAL

01 Ketidaksediaan Graduan

Ketidaksediaan graduan beralih daripada alam pembelajaran di IPT kepada alam pekerjaan yang memerlukan persediaan secukupnya dari segi mental, fizikal, emosi dan keterampilan selain kemahiran dan kelayakan akademik.

Dapatan *Khazanah Research Institute* (2018) mengatakan IPT lebih memfokuskan kepada akademik berbanding kemahiran insaniah dan pengalaman pekerjaan.

IPT lebih menfokuskan kepada bidang akademik berbanding dengan jangkaan harapan majikan yang lebih memerlukan kemahiran insaniah (50%), pengalaman kerja (31%) dan kemahiran teknikal (27%).

RAJAH 8 : Peratus Kemahiran yang Diperlukan Majikan Berbanding Akademik

Sumber: *School-to-Work Transition Survey (Khazanah Research Institute, 2018)*

Graduan memerlukan kemahiran seperti yang dinyatakan dalam *Future of Jobs Report* (2020), *World Economic Forum*. Selain kemahiran asas, graduan sebagai bakal pekerja perlu mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, pengurusan kendiri, kerja berpasukan, penggunaan dan pembangunan teknologi. Isu ini berlaku apabila pengalaman pembelajaran tidak menyokong penghasilan graduan berbakat.



RAJAH 9 : 10 Kemahiran Teratas 2025

Sumber: *World Economic Forum, 2020.*

02 Kecenderungan Generasi Millennial

Generasi millennial tidak asing dengan kecenderungan memilih antara keseimbangan masa dengan kehidupan dan kerjaya. Kecekapan mengendalikan teknologi menjadikan mereka lebih tertarik kepada suasana kerja yang meraikan inovasi, kreativiti dan teknologi tinggi. Gaya kerja yang fleksibel, masa menunggu yang pendek, penawaran gaji yang tinggi serta pembangunan kerjaya yang cerah menjadi keterujaan mereka.

Di samping itu, generasi milennial dikatakan lebih cenderung untuk menjawat kepemimpinan tertinggi atau melalui peningkatan kerjaya yang lebih cepat berbanding generasi terdahulu. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh *Harris Interactive* yang mendapati 50% daripada responden millennial telah berada di jawatan kepemimpinan dengan 44% daripada mereka hanya memiliki tiga hingga lima tahun pengalaman bekerja, dan 41% sudahpun mempunyai sekurang-kurangnya empat staf bawahan. Walaupun generasi millennial mampu melonjak pantas dalam kerjaya, mereka didapati lebih cenderung untuk bertukar pekerjaan dengan lebih kerap berbanding dengan generasi terdahulu yang dikatakan lebih setia kepada majikan masing-masing (*The Deloitte Millennial Survey*, 2016).

Kaji selidik terbaharu oleh Ranstad Malaysia (2020) pula mendapati bahawa 56% generasi millennial memilih menjadi usahawan berbanding generasi terdahulu yang memilih 'makan gaji' bagi kestabilan kerjaya.

03 Ketidaksediaan Revolusi Perindustrian 4.0

Kepantasan perkembangan dunia teknologi telah membawa kepada kemunculan gelombang Revolusi Perindustrian ke-4 (4IR) yang menekankan tiga ciri penting, iaitu kelajuan, keluasan dan kedalaman serta impak yang tuntas.

Sembilan tonggak utama kepada era 4IR ialah robot autonomi *(autonomous robots)*, simulasi, kesepaduan sistem, internet benda *(Internet of Things)*, keselamatan siber, pengkomputeran awan *(cloud computing)*, pembuatan bahan tambahan *(additive manufacturing)*, realiti terimbuh dan data raya.

IR 4.0 jelas membawa ledakan teknologi digital yang mencetus perubahan besar terhadap landskap perniagaan, ekonomi dan industri. Ia juga mengubah tenaga kerja manusia kepada robot/mesin, dan akhirnya mampu menidakkan kerjaya sedia ada, dengan kewujudkan bentuk kerjaya baharu (PwC, 2020). Segala perubahan ini akhirnya menuntut ilmu, kemahiran dan atribut yang terkini, seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi.



RAJAH 10 : Peratusan Jangkaan Kadar Teknologi 2025

Sumber: *World Economic Forum* (2020)

Analisis yang dibuat oleh *Future of Jobs Survey, World Economic Forum* (2020) mendapati bahawa terdapat perubahan ketara dalam permintaan kemahiran pekerjaan seperti rajah berikut.

PERMINTAAN TINGGI	PERMINTAAN MENURUN
· Penganalisis dan Saintis Data · Pakar AI dan Pembelajaran Mesin · Saintis Data Raya · Pakar Pemasaran Strategi Digital · Pakar Proses Automasi · Profesional Pembangunan Perniagaan · Pakar Transformasi Digital · Penganalisis Keselamatan Maklumat · Pakar Pembangunan Perisian dan Aplikasi · Pakar Internet Benda · Pengurus Projek · Pengurus Pentadbiran dan Perkhidmatan Perniagaan · Profesional Pengkalan Data dan Rangkaian · Jurutera Robotik · Penasihat Strategik · Penganalisis Pengurusan dan Organisasi · Jurutera Fintech · Pembaiki Mekanik dan Mesin · Pakar Pembangunan Organisasi · Pakar Pengurusan Risiko	· Kerani Kemasukan Data · Pentadbiran dan Setiausaha Eksekutif · Kerani Perakaunan, Rekod dan Gaji · Auditor dan Akauntan · Pekerja Kilang dan Pengeluaran · Pengurus Pentadbiran dan Perkhidmatan Perniagaan · Pekerja Khidmat Pelanggan dan Maklumat Pelanggan · Pengurus Am dan Operasi · Pembaiki Mekanik dan Mesin · Kerani Rekod, Rakaman dan Penyimpanan Stok · Penganalisis Kewangan · Kerani Perkhidmatan Pos · Jurujual Produk, Pemborong, Pembuatan dan Sains & Teknologi · Pengurus Perhubungan · Kerani Bank dan Penjual Produk Bank · Jurujual dari pintu ke pintu dan Penjual Jalanan · Pembaiki dan Pemasang Elektronik dan Telekomunikasi · Pakar Sumber Manusia · Pakar Pembangunan dan Latihan · Pekerja Pembinaan

RAJAH 11 : Perubahan Pemintaan Kemahiran Pekerjaan

Sumber : *Future of Jobs Survey, World Economic Forum* (2020)

04 Ketidaksediaan Ekosistem serta Pasaran Buruh Negara

4.1 Kerjasama Industri-Akademia-Kerajaan/Institusi

Keadaan pasaran kerja dan tahap kebolehpasaran graduan amat bergantung kepada kehadiran ekosistem kondusif yang dijanakan oleh peranan, sokongan dan kesediaan pemegang taruh, baik industri, akademia, kerajaan/institusi mahupun masyarakat dalam menjalinkan kerjasama sinergi berteraskan model hubungan *Triple/Quadruple Helix*.

Hal ini bermakna setiap pemegang taruh dalam model hubungan *Triple/Quadruple Helix* perlu memainkan peranan masing-masing. Pada masa yang sama, pemegang-pemegang taruh harus bersedia menyokong satu sama lain dan bekerjasama ke arah merealisasikan agenda kolektif pembangunan mapan negara, yang meliputi usaha melestarikan ekosistem kebolehpasaran graduan.

Hakikatnya, kerjasama akademia-industri di persada domestik didapati kurang membangun dan masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa aspek kritikal hubungan akademia-industri, seperti aktiviti kebolehpasaran graduan, penyelidikan, pembangunan dan inovasi, mobiliti akademia-industri, khususnya mobiliti staf yang bersifat rentas sektoral dan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum. Manifestasi realiti tersebut dicerminkan dalam beberapa isu kebolehpasaran graduan yang sering dibangkitkan oleh pihak industri, termasuk masalah padanan dari segi ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan keluaran IPT yang didakwa kurang sejajar dengan keperluan industri. Oleh itu, berlaku ketidaksepadanan pekerjaan dengan keluaran graduan setiap tahun.

4.2 Ketidaksepadanan Pekerjaan Dengan Keluaran Graduan Setiap Tahun

Laporan penyelidikan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) (2019), menunjukkan bahawa penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi terhad dalam negara. Pada 2019, hanya 10.6% pekerjaan berkemahiran sederhana dan tinggi diwujudkan, manakala 89.4% ialah pekerjaan berkemahiran rendah, berbanding dengan pengeluaran graduan setiap tahun yang berada di kategori tenaga buruh berkemahiran tinggi yang melebihi permintaan industri.

4.3 Ketidaksepadanan Gaji

Hubungan dan kolaborasi akademia-industri di Malaysia masih lagi pada tahap yang kurang memberangsangkan (Pang, et al 2020). Tahap kebersamaan yang rendah ini merupakan punca kepada isu ketidaksepadanan gaji berbanding Panduan Gaji Permulaan Kementerian Sumber Manusia 2020.



RAJAH 12 : Ketidaksepadanan Gaji Graduan TVET

Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (2019) dan Buku Panduan Gaji Permulaan 2020, KSM

4.4 Tiada Portal Hab Bersepadu

Keterlibatan dan kerjasama Kementerian-IPT dan Industri juga penting bagi membina ekosistem kerjasama berkaitan pekerjaan yang bersepadu. Namun demikian, ketiadaan satu hab platform bersepadu akan menyukarkan proses padanan pekerjaan, perkongsian ilmu dan padanan kemahiran seperti yang diperlukan oleh pasaran.

05 Dinamika Ekonomi Global

Sektor teknologi tanpa ragu telah menjadi satu bentuk pelaburan besar pada peringkat global. Dalam tempoh sedekad ini, sektor teknologi menjadi segmen terbesar dalam pasaran, mengatasi sektor kewangan dan sektor utama yang lain.

Teknologi sering dikaitkan dengan ciptaan baharu, inovasi serta bagaimana ia mencakupi semua sektor, termasuk kesihatan, kewangan, pembangunan dan pembuatan. Statistik menunjukkan bahawa pada umumnya, dunia telah melabur 3,360 USD bilion terhadap teknologi (Statista, 2019).

Hal ini terbukti apabila syarikat gergasi teknologi, seperti Microsoft, Apple, IBM, Google, Facebook, dan syarikat-syarikat lain mendominasi ekonomi dunia. Ini menjelaskan kejatuhan beberapa syarikat gergasi dalam industri minyak dan cari gali, seperti Royal Dutch Shell, British Petroleum (BP), Exxon Mobil dan Petro China. Transformasi ini ternyata mempengaruhi kehendak dan corak pasaran tenaga kerja, sama ada pada peringkat nasional atau global.

Source : World Economy Forum 2020

RAJAH 13 : Trend Pekerjaan di Malaysia yang berubah mengikut trend global

Sumber: Bahagian Data Strategik & Foresight, MOSTI

Perubahan trend pekerjaan di Malaysia adalah sejajar dengan trend global, iaitu ke arah digitalisasi teknologi tinggi *(World Economic Forum, 2020)*. Dijangkakan akan berlaku peluang peningkatan pekerjaan sebanyak 33% pada tahun 2022 yang melibatkan bidang teknikal dan kompleks *(World Economic Forum, 2020)*. Bahagian Data Strategik & Foresight (MOSTI, 2020) juga menjangkakan sektor perkilangan memerlukan kemahiran teknologi tinggi untuk memenuhi keperluan industri 4.0.



Pada 2020 pula, dunia digegarkan dengan ancaman COVID-19 yang telah memberikan impak negatif lebih besar daripada jangkaan awal, dan pemulihan ekonomi adalah sesuatu yang sukar dijangka *(International Monetary Fund, 2020)*. Pandemik COVID-19 ini menggugat kestabilan ekonomi kebanyakan negara, dan akhirnya pengangguran menjadi isu global, tidak terkecuali Malaysia. Meskipun pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia menerusi suntikan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), hakikatnya ia memberikan cabaran terhadap kebolehpasaran graduan apabila kebanyakan syarikat mula membekukan pengambilan pekerja, mengecilkan dan merekayasa organisasi, bahkan terdapat juga syarikat yang menutup operasi.



04

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN

VISI

Ke arah graduan holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global

OBJEKTIF

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan

Melahirkan graduan IPT yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi

Menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi

Membangun bakat graduan bagi peningkatan sosioekonomi negara yang seimbang dan mampan

STRATEGI UTAMA

01 PENGUKUHAN KECEMERLANGAN BAKAT

Pelajar dan graduan IPT perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan terkini dan analisis data, kemahiran komunikasi dan perundingan, di samping diterapkan kemahiran insaniah, nilai positif dan kesedaran sivik agar mereka seimbang dari aspek duniawi dan manusiawi.

02 PELUASAN KERJAYA PELAJAR

Komitmen dan sokongan padu daripada setiap peringkat dimulai dengan kecaknaan tinggi oleh kepemimpinan tertinggi IPT untuk memperkasakan struktur governans dan pelaksanaan strategi. Inisiatif dan aktiviti yang telah digariskan amatlah penting untuk memastikan bahawa pelan strategik ini berjaya memperluas kerjaya pelajar.

03 PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

4IR dijangka akan memberikan impak yang besar kepada sistem penyampaian dan perkhidmatan pendidikan tinggi. Sehubungan dengan itu, usaha yang bersepadu akan diambil untuk mereka bentuk kurikulum pendidikan tinggi yang bersesuaian dengan keperluan bagi melahirkan graduan yang dapat menyesuaikan diri dan mampu menghadapi cabaran masa depan yang tidak menentu.

04 PEMERKASAAN HUBUNGAN INDUSTRI

Hubungan Industri-Akademia diperkukuh dan diperkasakan dengan pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan kurikulum berasaskan industri, penglibatan pemain industri dalam pembentukan program pengajian, melalui pementoran, latihan industri, program 2U2I, program CEO@Faculty dan lain lagi yang pasti memberikan manfaat kepada pelajar.

Rumusan Strategi, Inisiatif dan Keberhasilan Aktiviti

	INISIATIF	AKTIVITI	KEBERHASILAN
STRATEGI 1 Pengukuhan Kecemerlangan Bakat	1. Meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris 2. Meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran asas graduan 3. Menggalakkan penerokaan pekerjaan berkualiti tinggi dan mobiliti graduan 4. Menerapkan kesedaran sivik dan pembentukan nilai murni	8 Aktiviti	· Penguasaan bahasa Inggeris –C1 CEFR · Graduan dengan kemahiran yang diperlukan abad ke-21 · 20% graduan bekerja di MNC · 1.5% graduan bekerja di ASEAN/luar negara · Graduan cemerlang akademik dan mempunyai nilai murni
STRATEGI 2 Peluasan Kerjaya Pelajar	1. Meningkatkan komitmen pengurusan tertinggi IPT 2. Melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan 3. Memperkasakan sinergi pusat kerjaya untuk pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar 4. Memperkasakan aktiviti perkembangan kerjaya dan keusahawanan pelajar	11 Aktiviti	· Kadar GE > 80% · 100 % kaunselor kerjaya bertauliah · Profil kerjaya pelajar yang komprehensif · 10% pelajar aktif dalam Gig Ekonomi · 10% usahawan selepas bergraduat · Graduan IPT yang memenuhi keperluan industri
STRATEGI 3 Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran	1. Rasionalisasi penawaran kursus/ program di IPT 2. Memantapkan kompetensi tenaga pengajar	4 Aktiviti	· 100% program pengajian memenuhi keperluan industri 4.0 · 45% tenaga pengajar merupakan pengamal/pakar industri · 30% PdP dilaksanakan bersama industri
STRATEGI 4 Pemerkasaan Hubungan Industri	1. Melaksanakan *Translational Industry Graduate Employability Roadmap (TIGeR)* 2. Meningkatkan penglibatan industri dalam PdP 3. Memperkasakan keterserlahan IPT	8 Aktiviti	· Penglibatan industri secara berstruktur melibatkan semua pelajar · 20% program pengajian diterapkan dengan pensijilan profesional · 15% graduan berpendapatan > RM3,000 · Indeks kepuasan majikan

KEBERHASILAN

· Penguasaan bahasa Inggeris –C1 CEFR · Graduan dengan kemahiran yang diperlukan abad ke-21 · Graduan bekerja di MNC dan luar negara. · Graduan mempunyai nilai murni	· Kadar GE > 80% · kaunselor kerjaya bertauliah · Profil kerjaya pelajar yang komprehensif · pelajar aktif dalam Ekonomi Gig dan menjadi Usahawan · Graduan IPT yang memenuhi keperluan industri	· 100% program pengajian memenuhi keperluan industri 4.0 · 45% tenaga pengajar merupakan pengamal/ pakar industri · >30% PdP dilaksanakan bersama industri	· Penglibatan industri secara berstruktur · 20% program pengajian diterapkan dengan pensijilan profesional · 15% graduan berpendapatan > RM 3,000 · Indeks kepuasan majikan

INISIATIF

1. Meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris 2. Meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran asas graduan 3. Menggalakkan penerokaan pekerjaan berkualiti tinggi dan mobiliti graduan 4. Menerapkan kesedaran sivik dan pembentukan nilai murni	1. Meningkatkan komitmen pengurusan tertinggi IPT 2. Melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan 3. Memperkasakan sinergi pusat kerjaya untuk pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar 4. Memperkasakan aktiviti perkembangan kerjaya dan keusahawanan pelajar	1. Merasionalisasikan penawaran kursus/ program di IPT 2. Memantapkan kompetensi tenaga pengajar.	1. Melaksanakan *Translational Industry Graduate Employability Roadmap* (TIGeR) 2. Meningkatkan penglibatan industri dalam PdP. 3. Memperkasakan keterserlahan IPT
STRATEGI 1 Pengukuhan Kecemerlangan Bakat	**STRATEGI 2** Peluasan Kerjaya Pelajar	**STRATEGI 3** Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran	**STRATEGI 4** Pemerkasaan Hubungan Industri

ISU

· Ketidaksediaan graduan	· Kecenderungan generasi millennial
· Ketidaksediaan revolusi perindustrian 4.0	· Ketidaksediaan ekosistem serta pasaran buruh negara
· Dinamika ekonomi global	

Rajah 14 : Rumusan Hubung Kait Antara Isu, Strategi, Inisiatif dengan Keberhasilan

STRATEGI SATU 01

PENGUKUHAN KECEMERLANGAN BAKAT

STRATEGI DUA 02

PELUASAN KERJAYA PELAJAR

STRATEGI TIGA 03

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

STRATEGI EMPAT 04

PEMERKASAAN HUBUNGAN INDUSTRI

STRATEGI SATU 01

PENGUKUHAN KECEMERLANGAN BAKAT

KEBERHASILAN

- Penguasaan bahasa Inggeris – C1 CEFR
- Graduan dengan kemahiran yang diperlukan abad ke-21
- 20% graduan bekerja di MNC
- 1.5% graduan bekerja di ASEAN/luar negara
- Graduan cemerlang akademik dan mempunyai nilai murni

AKTIVITI

1. Melaksanakan *English Language Education Reform* in Malaysia
2. Menambah baik pentaksiran bahasa Inggeris melalui penilaian berterusan sepanjang tempoh pengajian
3. Meningkatkan tumpuan dalam aktiviti kemahiran insaniah berkenaan peluang kerjaya, keusahawanan dan industri yang berkaitan dengan bidang pengajian pelajar pada setiap semester.
4. Meningkatkan penglibatan pelajar dalam program bagi kemahiran keperluan pekerjaan abad ke-21
5. Menggalakkan penerokaan peluang pekerjaan berkualiti tinggi yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar, terutamanya melibatkan pekerjaan di syarikat Multinasional (MNC)
6. Meluaskan skop penerokaan pekerjaan luar negara, terutamanya di negara ASEAN
7. Memperkasakan program kenegaraan
8. Melibatkan pelajar dalam program kesukarelawanan

INISIATIF

01 Meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris

02 Meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran asas graduan

03 Menggalakkan penerokaan pekerjaan berkualiti tinggi dan mobiliti graduan

04 Menerapkan kesedaran sivik dan pembentukan nilai murni

ISU

- Ketidaksediaan graduan beralih dari alam pembelajaran di IPT ke alam pekerjaan
- Ketidaksediaan graduan kepada kemahiran yang diperlukan majikan, dan kemahiran insaniah
- Cabaran dinamika ekonomi global yang menyebabkan perubahan trend pekerjaan di dalam negara dan global
- Ketidaksediaan graduan dengan kemahiran abad ke-21 iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, komunikasi, kebolehsuaian dan kemahiran interpersonal

Inisiatif 1:
Meningkatkan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris

Penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu daripada faktor yang mempengaruhi peluang graduan ditawarkan pekerjaan. Penggunaan piawai antarabangsa, iaitu *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* membolehkan IPT membuat keputusan, dengan merujuk amalan terbaik berkaitan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian serta pelaksanaan aktiviti peningkatan bahasa Inggeris.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Melaksanakan English Language *Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025.*	Tahap penguasaan bahasa Inggeris semasa bergraduat	Pelajar ijazah pertama bergraduat sekurang-kurangnya dengan tahap B2 CEFR · 2022 : 20% · 2023 : 30% · 2024 : 40% · 2025 : 50%	· Bahagian Akademik, IPT · Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA), JPT · Bahagian Kurikulum (BK), JPPKK
2.	Menambah baik pentaksiran bahasa Inggeris melalui penilaian berterusan sepanjang tempoh pengajian.		Pelajar sijil dan diploma bergraduat sekurang-kurangnya dengan tahap A2/B1 CEFR · 2022 : 20% · 2023 : 30% · 2024 : 40% · 2025 : 50% Pelajar bidang TESL bergraduat dengan C1 CEFR · 2021-2025 : 100%	

Inisiatif 2:
Meningkatkan Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Asas Graduan

Landskap sosioekonomi, pekerjaan serta keperluan kemahiran abad ke-21 memerlukan nilai tambah dan kemahiran tinggi kepada pelajar bagi memastikan mereka mampu bersaing dalam dunia pekerjaan.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
3.	Meningkatkan tumpuan dalam aktiviti kemahiran insaniah berkenaan peluang kerjaya, keusahawanan dan industri yang berkaitan dengan bidang pengajian pelajar pada setiap semester.	Bilangan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran insaniah	Pelajar terlibat dalam sekurang-kurangnya 1 aktiviti kemahiran insaniah	Pusat Kokurikulum IPT
4.	Meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran keperluan pekerjaan abad ke-21 *(21st Century Student's Essential Skills).*	Penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran keperluan pekerjaan abad ke-21	Pelajar terlibat dalam sekurang-kurangnya 1 aktiviti keperluan pekerjaan abad ke-21 pada setiap semester mulai 2021	• Bahagian Hal Ehwal Pelajar/ Pusat Kerjaya Fakulti, IPT • Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK • Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH), JPT

Definisi Operasi:

Aktiviti Kemahiran Keperluan Pekerjaan Abad ke-21: Aktiviti melibatkan tiga kemahiran utama, iaitu kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran digital dan kemahiran hidup dan kerjaya. Elemen dalam setiap kemahiran adalah seperti kreatif dan inovatif, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi dan kolaboratif, literasi teknologi komunikasi maklumat dan media, fleksibel dan kebolehsuaian, produktif dan akauntabiliti, berkemahiran interaksi sosial, silang budaya serta kepemimpinan dan kebertanggungjawaban.

Aktiviti memberikan nilai tambah kepada pelajar melalui modul/pensijilan yang diiktiraf. Contoh : Modul oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM), TalentCorp, PSMB dan lain-lain.

Inisiatif 3:
Menggalakkan Penerokaan Pekerjaan Berkualiti Tinggi dan Mobiliti Graduan

Peluang untuk graduan diterima bekerja di syarikat multinasional memerlukan mereka memenuhi kualiti tertentu dan IPT hendaklah menyediakan graduan yang berkualiti bagi memenuhi kriteria tersebut. Menyediakan peluang graduan bekerja di luar negara juga bakal membuka ruang kepada perkembangan kerjaya pelajar.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
5.	Menggalakkan penerokaan peluang pekerjaan berkualiti tinggi yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar, terutamanya melibatkan pekerjaan di syarikat multinasional.	Peratusan graduan bekerja di MNC	Daripada jumlah graduan yang bekerja, 20% bekerja di MNC menjelang 2025 · 2021 : 18.8% · 2022 : 19.1% · 2023 : 19.4% · 2024 : 19.7% · 2025 : 20%	· Pusat Kerjaya/Pejabat Hubungan Industri/Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK
6.	Meluaskan skop penerokaan pekerjaan luar negara, terutamanya di negara ASEAN.	Peratusan graduan bekerja di luar negara	Daripada jumlah graduan yang bekerja, 1.5 % bekerja di luar negara pada 2025. · 2021 : 1.41 % · 2022 : 1.43 % · 2023 : 1.45 % · 2024 : 1.47 % · 2025 : 1.5 %	· Bahagian Hubungan Antarabangsa/Fakulti, IPT · Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA), KPT · Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET), JPPKK

Inisiatif 4:
Menerapkan Kesedaran Sivik dan Pembentukan Nilai Murni

Menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan, usaha berterusan dilaksanakan bagi melahirkan golongan muda yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan berakhlak mulia serta berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
7.	Memperkasakan aktiviti kenegaraan.	Peratusan pelajar mendapat skor sekurang-kurangnya 7/10 ke atas dalam Indeks Patriotisme dan Perpaduan	2021 : 75% 2022 : 80% 2023 : 85% 2024 : 90% 2025 : 95%	· Bahagian Hal Ehwal Pelajar/ Fakulti, IPT · Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK · Bahagian Mahasiswa Holistik, JPT
8.	Melibatkan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan.	Jumlah jam penglibatan pelajar dalam aktiviti Kesukarelawanan	Pelajar terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan sekurang-kurangnya 4 jam setiap semester mulai 2021	· Bahagian Hal Ehwal Pelajar/ Bahagian Hubungan Masyarakat/Fakulti, IPT · Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK · Bahagian Mahasiswa Holistik, JPT

STRATEGI DUA 02

PELUASAN KERJAYA PELAJAR

KEBERHASILAN

- Kadar GE>80%
- 100 % kaunselor kerjaya bertauliah
- Profil kerjaya pelajar yang komprehensif
- 10% pelajar aktif dalam Ekonomi Gig
- 10% usahawan selepas bergraduat
- Graduan IPT yang memenuhi keperluan industri

AKTIVITI

1. Menjadikan kebolehpasaran graduan sebagai Indeks Pengukuran Utama (KPI) Pengurusan Tertinggi IPT
2. Memperkasakan sinergi Pusat Kebolehpasaran Graduan di IPT melalui penglibatan Pusat Kaunseling & Kerjaya, Bahagian Hubungan/Jaringan Industri, Unit Keusahawanan, Pusat Data, Bahagian Akademik, Dekan Fakulti dan Wakil Industri
3. Melaksanakan kolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta untuk menggunakan platform portal GREaT
4. Melaksanakan kolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta bagi penganjuran *Market Dynamic International Conference* secara tahunan
5. Menyediakan kaunselor kerjaya bertauliah untuk membantu perkembangan kerjaya pelajar serta pengurusan Pusat Kebolehpasaran Graduan
6. Melaksanakan profiling kerjaya pelajar yang komprehensif bagi tujuan aktiviti intervensi peningkatan *essentials skills* dan pemetaan kerjaya.
7. Menghubungkan pelajar kepada industri melalui penggunaan pangkalan data industri dan kecenderungan kerjaya pelajar.
8. Melaksanakan intervensi dalam menyediakan bakat digital dalam kalangan pelajar
9. Melaksanakan Aktiviti Intervensi Pembangunan Kerjaya pada peringkat institusi
10. Menyediakan ekosistem untuk membantu pelaksanaan Ekonomi Gig di IPT
11. Memantapkan strategi pelaksanaan agenda keusahawanan pendidikan tinggi melalui Pelan Tindakan Keusahawanan

INISIATIF

01 Meningkatkan komitmen pengurusan tertinggi IPT

02 Melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan

03 Memperkasakan pusat kerjaya untuk pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar

04 Memperkasakan aktiviti perkembangan kerjaya dan keusahawanan pelajar

ISU

- Kurang kerjasama antara industri, akademia, kerajaan, institusi dan masyarakat
- Ketidaksepadanan ilmu dan kemahiran graduan dengan keperluan industri
- Ketidaksediaan graduan dengan revolusi 4.0, teknologi disruptif dan digital baharu
- Cabaran ancaman COVID-19 dan masalah pengangguran negara
- Cabaran dinamika ekonomi global yang menyebabkan perubahan trend pekerjaan di dalam negara dan global

Inisiatif 1:
Meningkatkan Komitmen Pengurusan Tertinggi IPT Terhadap Pencapaian Kebolehpasaran Graduan

Komitmen pihak Pengurusan Tertinggi IPT merupakan tunjang utama kepada kejayaan sesuatu perkara dalam ruang lingkup IPT tersebut. Begitu juga dengan pencapaian Kebolehpasaran Graduan (GE) IPT masing-masing. Menjadikan GE sebagai indikator utama kepemimpinan IPT pasti akan melonjakkan kepentingannya sebagai sebahagian yang diarusperdanakan.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Menjadikan kebolehpasaran graduan sebagai Indeks Pengukuran Utama (KPI) Pengurusan Tertinggi IPT (Naib Canselor/Ketua Pengarah/Pengarah).			· Naib Canselor, IPT · Ketua Pengarah, JPT · Ketua Pengarah, JPPKK
2.	Memperkasakan sinergi Pusat Kebolehpasaran Graduan di IPT melalui penglibatan : · Pusat Kaunseling & Kerjaya · Bahagian Hubungan/ Jaringan Industri · Unit Keusahawanan · Pusat Data · Bahagian Akademik · Dekan Fakulti · Wakil Industri	Peratusan kebolehpasaran graduan IPT berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan KPT	Melebihi 80% setiap tahun bermula 2021	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Pusat Kebolehpasaran Graduan/Pusat Kaunseling, IPT/Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK

Definisi Operasi:

Kebolehpasaran graduan diukur berdasarkan graduan yang berstatus:
· bekerja;
· melanjutkan pengajian;
· sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; atau
· graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Rujukan : Sistem Kajian Pengesanan Graduan KPT

Inisiatif 2:
Melaksanakan Padanan Permintaan dan Penawaran Pekerjaan Menggunakan Teknologi Terkini (Data Raya)

Penggunaan pangkalan data raya adalah perlu bagi membantu pelajar memperoleh pekerjaan yang bersesuaian serta merancang aktiviti pengajian di IPT. Pasaran kerja yang bersifat dinamik hasil revolusi teknologi memerlukan IPT dan graduan sentiasa peka dengan keperluan terkini pekerjaan. Proses pemadanan ini adalah perlu bagi mengoptimumkan ketepatan guna tenaga dengan kepakaran bidang pengajian graduan yang dihasilkan oleh IPT.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
3.	Melaksanakan kolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta untuk menggunakan platform portal GREaT *(Graduates Reference Hub for Employment and Training)* bagi padanan peluang pekerjaan, hebahan dan penyertaan aktiviti serta tips untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.	Penglibatan graduan dalam Portal GREaT bagi menghubungkan keperluan industri dan profiling graduan yang bertujuan memberikan peluang pekerjaan kepada graduan	Penggunaan sepenuhnya pada 2022	· BPPD, KPT · BKIM, JPT · BKIK, JPPKK · Pusat Kebolehpasaran Graduan/Pusat Kaunseling di IPT/Fakulti di IPT
4.	Melaksanakan kolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta bagi penganjuran *Market Dynamic International Conference* secara tahunan, yang melibatkan penyertaan daripada agensi dalam dan luar negara.	Satu *Market Dynamic International Conference* dua tahun sekali	1 aktiviti secara dwitahunan bermula 2022	· Pusat Jaringan Industri/Pusat Kebolehpasaran Graduan di IPT/Fakulti di IPT · BKIM, JPT · BKIK, JPPKK

Definisi Operasi:

Market Dynamic International Conference membincangkan berkaitan permintaan dan penawaran pekerjaan berdasarkan perubahan ekonomi. Ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada IPT dan graduan dalam menentukan pemilihan pekerjaan selain membantu IPT menawarkan program pengajian yang bersesuaian.

Inisiatif 3:
Memperkasakan Fungsi dan Peranan Pusat Kerjaya sebagai Pusat Sehenti untuk Pembangunan dan Perkembangan Kerjaya Pelajar

Perkembangan bakat pelajar (generasi millennial) memerlukan sistem sokongan sejajar dengan 4IR yang merangkumi penerokaan potensi diri, konsultasi profesional, bimbingan kerjaya, intervensi berkesan serta saluran strategik menghubungkan pelajar kepada industri. Kejayaan kerjaya pelajar memerlukan sokongan dan penglibatan semua pihak di IPT termasuk pemerkasakan fungsi dan peranan Kaunselor Kerjaya atau Penasihat Kerjaya bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
5.	Menyediakan kaunselor kerjaya bertauliah bagi membantu perkembangan kerjaya pelajar serta pengurusan Pusat Kebolehpasaran Graduan.	Peratusan kaunselor kerjaya bertauliah di IPTA	2021 : 60% 2022 : 70% 2023 : 80% 2024 : 90% 2025 : 100%	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), KPT · Bahagian Sumber Manusia, IPT · Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK), JPPKK
6.	Melaksanakan profiling kerjaya pelajar yang komprehensif bagi tujuan aktiviti intervensi peningkatan kemahiran insaniah dan pemetaan kerjaya. Penggunaan portal NEXT- *Nurturing Expert Talent).*	Pelaksanaan profiling kerjaya pelajar	Semua IPTA menjelang 2022	· Pusat Kerjaya/Pusat Kaunseling, IPT · TalentCorp
7.	Menghubungkan pelajar kepada industri (permintaan dan penawaran) melalui penggunaan pangkalan data industri dan kecenderungan kerjaya pelajar. Penggunaan portal *MYFutureJobs* kepada pelajar tahun akhir dan graduan IPT	Penggunaan pangkalan data *MYFutureJobs*	Semua IPT menjelang tahun 2022	· Pusat Kerjaya/Pusat Kaunseling di IPT · PERKESO

Definisi Operasi:

- **Kaunselor Kerjaya Bertauliah:** Individu yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan kerjaya, teknik kaunseling, pengurusan dan interpretasi profiling serta sumber maklumat kerjaya. Individu terdiri daripada kaunselor psikologi serta kakitangan Pusat Kebolehpasaran Graduan.
- **Profiling Kerjaya Pelajar:** Profil pelajar yang holistik, proses menilai minat, kecenderungan, kemahiran, ciri personaliti serta kemampuan pelajar untuk meneroka laluan kerjaya. Proses ini boleh dilakukan dengan mengambil pelbagai ujian untuk membantu mereka menentukan laluan kerjaya yang optimum.
- Portal NEXT, Talentcorp adalah merupakan sistem penilaian modal insan negara untuk membantu pelajar mengenal pasti kekuatan, semangat dan pilihan kerjaya yang paling sesuai dengan kemahiran yang dimiliki.
- Portal MYFutureJobs, PERKESO adalah merupakan portal yang disediakan untuk membantu pencari kerja dan memadankan pekerjaan.

Inisiatif 4:
Memperkasakan Aktiviti Perkembangan Kerjaya dan Keusahawanan Pelajar

Menyedari kepentingan perkembangan bakat generasi millennial dan perkembangan revolusi teknologi, graduan IPT perlu dipersiapkan dengan keperluan kerjaya era digital. Usaha merapatkan kesenjangan antara jangkaan pelajar dengan situasi sebenar pasaran kerja juga amat penting. Dengan peningkatan kesedaran tentang Ekonomi Gig serta penglibatan generasi millennial ini dalam Ekonomi Gig, adalah wajar untuk IPT mengikuti rapat perkembangan dan menyediakan program yang sesuai untuk melahirkan usahawan terpelajar sebagai pemangkin peningkatan sosio-ekonomi.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
8.	Melaksanakan intervensi dalam menyediakan bakat digital dalam kalangan pelajar.	Peratusan kebolehpasaran graduan IPT berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan KPT	Melebihi 80% setiap tahun	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Bahagian Akademik/Unit GE/ Fakulti, IPT
9.	Melaksanakan aktiviti intervensi pembangunan kerjaya di peringkat institusi.	Penglibatan pelajar dalam aktiviti intervensi pembangunan kerjaya	100% pelajar mulai 2022	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Pusat Kerjaya, IPT
10.	Menyediakan ekosistem membantu pelaksanaan Ekonomi Gig di IPT.	Peratusan pelajar IPTA yang berdaftar sebagai gigster	5% menjelang 2025 2021 : 3.0% 2022 : 3.5% 2023 : 4.0% 2024 : 4.5% 2025 : 5.0%	· Unit Keusahawanan, BPPD · Pusat Keusahawanan, IPT · Fakulti, IPT · Bahagian Pembangunan Pelajar, JPPKK

Definisi Operasi:

Bakat Digital: Individu yang menggunakan teknologi digital dalam pekerjaan.

Aktiviti Intervensi Pembangunan Kerjaya: Aktiviti perancangan kerjaya pelajar melibatkan pengetahuan berkaitan laluan kerjaya, penguasaan kemahiran untuk pekerjaan atau pembangunan profesional. Aktiviti bertujuan membantu pelajar menentukan laluan kerjaya dalam bidang pengajian yang dipilih.

· Peratus pelajar yang berdaftar sebagai Gigster ialah pelajar yang direkodkan oleh IPTA yang terlibat dalam Ekonomi Gig daripada jumlah keseluruhan pelajar.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
11.	Memantapkan strategi pelaksanaan agenda keusahawanan pendidikan tinggi melalui Pelan Tindakan Keusahawanan seperti yang berikut: · Memperkasakan sistem sokongan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan keusahawanan · Menghasilkan pelajar yang mampu menjana peluang pekerjaan melalui bidang keusahawanan · Meningkatkan bilangan pendidik dengan kepakaran keusahawanan · Memupuk kerjasama melalui jaringan keusahawanan · Mendorong pelajar memanfaatkan inovasi dan teknologi keusahawanan · Menggalakkan penubuhan syarikat pemula berteraskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital.	Peratusan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	10 % lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian pada 2025 · 2021 : 6% · 2022 : 6% · 2023 : 8% · 2024 : 8% · 2025 : 10%	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Pusat Keusahawanan, IPT · Fakulti, IPT · Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK

Definisi Operasi:

Lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan ialah graduan yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian.

STRATEGI TIGA 03

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

KEBERHASILAN

- 100% program pengajian memenuhi keperluan industri 4.0
- 45% tenaga pengajar merupakan pengamal/pakar industri atau telah menjalani latihan/sabatikal di industri
- >30 % PdP dilaksanakan bersama industri

AKTIVITI INISIATIF

1. Melaksanakan kajian semula program pengajian secara berkala bagi tujuan pengemaskinian program
2. Mengenal pasti program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberikan laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan Industri dan sejajar dengan keperluan IR4.0
3. Melaksanakan program peningkatan kemahiran tenaga pengajar seiring keperluan industri untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPT
4. Meningkatkan jumlah penglibatan industri sebagai tenaga pengajar dan sebagainya

ISU

01 Merasionalisasikan Program Pengajian Sedia Ada dan Meningkatkan Penawaran Program Seiring Revolusi Teknologi	02 Memantapkan Kompetensi Tenaga Pengajar Seiring Dengan Keperluan Industri
· Kurang kerjasama antara industri, akademia, kerajaan, institusi dan masyarakat.	· Ketidaksediaan ekosistem dan infrastruktur di IPT
· Kurang penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum	· Ketidaksediaan graduan dengan revolusi 4.0, teknologi disruptif dan digital baharu
· Ketidaksepadanan ilmu dan kemahiran graduan dengan keperluan industri	

Inisiatif 1:
Merasionalisasikan Program Pengajian Sedia Ada dan Meningkatkan Penawaran Program Seiring Revolusi Teknologi

Program akademik yang ditawarkan oleh IPT perlu kekal relevan dan memenuhi keperluan serta perkembangan teknologi dan pekerjaan. Semakan kurikulum yang dilaksanakan haruslah responsif kepada perkembangan teknologi semasa. Indeks Kelestarian Program Pengajian wajar dipertimbangkan untuk melihat kesesuaian sesuatu program pengajian diteruskan penawarannya.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Melaksanakan kajian semula program pengajian secara berkala bagi tujuan pengemaskinian program.	Peratusan program akademik di IPTA dengan elemen Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (FRC) pada peringkat diploma dan sarjana muda	100 % program akademik di IPT dengan elemen FRC menjelang 2025. 2021 : 20% 2022 : 40% 2023 : 60% 2024 : 80% 2025 : 100%	· Bahagian Kecemerlangan Akademik JPT · Bahagian Kurikulum, JPPKK
2.	Mengenal pasti program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberikan laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan Industri dan sejajar dengan keperluan IR4.0.			

Definisi Operasi:

Program akademik dengan elemen FRC *(Future Ready Curiculum)* merujuk program akademik yang menerapkan salah satu atau gabungan elemen berikut:

- Struktur Kurikulum Lentur dan Organik: Disiplin Bertemu *(Convergent Disciplines)*, Pelbagai Disiplin *(Multidisciplinary)*, Antara Disiplin *(Interdisciplinary)*, Merentas Disiplin *(Transdisciplinary)*, Fleksibel dan Bukan Konvensional, Penglibatan Industri dan Global.
- Penyampaian Transformatif Pengajaran dan Pembelajaran (PdP): Pedagogi Abad ke 21 dan Pembelajaran imersif berasaskan pengalaman.
- Pentaksiran Holistik: Pentaksiran Profil, Pentaksiran Autentik/Prestasi, Pentaksiran Ketersendirian, Pentaksiran Berintegrasi dan Pentaksiran berasaskan Cabaran.

Peratusan adalah daripada jumlah keseluruhan program akademik.

Inisiatif 2:
Memantapkan Kompetensi Tenaga Pengajar Seiring dengan Keperluan Industri

Kompetensi tenaga pengajar IPT perlu sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan pelajar dapat diterapkan dengan kemahiran abad ke-21. Pemantapan berterusan ini pasti dapat menyediakan tenaga pengajar untuk sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Inisiatif ini juga bertujuan merapatkan jurang antara keperluan industri dengan penyediaan latihan pengajaran kepada pelajar di IPT.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
3.	Melaksanakan program peningkatan kemahiran tenaga pengajar seiring keperluan industri untuk digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan di IPT.	Peratusan tenaga pengajar di IPTA yang merupakan pengamal/ pakar industri atau telah menjalani latihan/ sabatikal di industri	45 % pada 2025 2021 : 25% 2022 : 30% 2023 : 35% 2024 : 40% 2025 : 45%	· Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf (akademik)/Fakulti, IPT · Bahagian Kecemerlangan Akademik JPT · Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK), JPPKK
4.	Meningkatkan jumlah penglibatan industri sebagai: · Tenaga pengajar · Mentor program pengajian · Program *fellowship* · Program CEO@Faculty.	Peratusan proses PdP dilaksanakan bersama industri.	>30 % PdP dilaksanakan bersama industri menjelang 2025 di IPT. (>50% di MTUN) 2021 : 20% 2022 : 25% 2023 : 30% 2024 : 35% 2025 : 40%	· Bahagian Hubungan Industri/Fakulti, IPT · Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT
		Bilangan industri yang terlibat sebagai mentor/*fellowship*/ CEO@Faculty.	Sekurang-kurangnya 1 mentor industri bagi setiap program pengajian bermula tahun 2021.	· Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK

Definisi Operasi:

Program Peningkatan Kemahiran ialah aktiviti meningkatkan pengetahuan dan kompetensi tenaga pengajar yang sejajar dengan keperluan industri untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran abad ke-21 merujuk kepada elemen seperti kreatif dan inovatif, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi dan kolaboratif, literasi teknologi komunikasi maklumat dan media, fleksibel, produktif dan berkemahiran sosial, antara budaya serta produktif.

STRATEGI EMPAT 04

PEMERKASAAN HUBUNGAN INDUSTRI

KEBERHASILAN

- Penglibatan industri secara berstruktur melibatkan semua pelajar.
- 20% program pengajian diterapkan dengan pensijilan profesional.
- 15% graduan berpendapatan> RM3,000.
- Indeks kepuasan majikan

AKTIVITI

1. Meningkatkan pelaksanaan program berstruktur (i-GESP)
2. Menggalakkan *Industry-Talent Recruitement*
3. Melaksanakan program intervensi berstruktur untuk pensijilan tambahan yang diiktiraf oleh industri
4. Menerapkan pensijilan profesional dalam program pengajian akademik sedia ada/baharu
5. Meningkatkan kerjasama industri bagi pembiayaan pensijilan profesional kepada graduan yang akan diserap masuk sebagai bakal pekerja dengan pendapatan yang lebih tinggi.
6. Memperkasakan penglibatan alumni dalam meningkatkan keterserlahan IPT
7. Melonjakkan program keterserlahan dan imej graduan IPT
8. Membangunkan indeks kepuasan majikan

INISIATIF

01 Melaksanakan *Translational Industry Graduate Employability Roadmap* (TIGeR).

02 Meningkatkan program pengiktirafan industri.

03 Memperkasakan keterserlahan IPT.

ISU

- Kurang kerjasama antara industri, akademia, kerajaan, institusi dan masyarakat.
- Ketidaksepadanan ilmu dan kemahiran graduan dengan keperluan industri
- Isu tiada portal hab bersepadu untuk proses padanan pekerjaan dan perkongsan ilmu dan peningkatan kemahiran graduan.
- Cabaran dinamika ekonomi global yang menyebabkan perubahan trend pekerjaan di dalam negara dan global
- Ketidaksediaan graduan beralih dari alam pembelajaran di IPT ke alam pekerjaan
- Ketidaksepadanan gaji graduan berbanding kelayakan akademik yang dimiliki

Inisiatif 1:
Melaksanakan *Translational Industry Graduate Employability Roadmap* (TIGeR)

Perkembangan kerjaya pelajar perlu dilaksanakan seawal pengajian di IPT melalui program yang melibatkan industri serta program peningkatan kemahiran yang diperlukan oleh pekerjaan abad ke-21. TIGeR ini meletakkan suatu panduan umum pengurusan sumber dan bakat yang dimiliki IPT bagi menyedia dan mempersiap mereka dengan pasaran kerja yang bersesuaian.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Meningkatkan pelaksanaan program berstruktur (i-GESP) seperti Program Apprenticeship, 2u2i, Program Latihan Industri Berstruktur (SIP).	Peratusan IPTA melaksanakan TIGeR	Semua IPTA menjelang 2022	· Bahagian Akademik, IPT · Pusat Kerjaya, IPT · Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT · Bahagian Instruksional Dan Pembelajaran Digital (BIPD), JPPKK
2.	Menggalakkan *Industry- Talent Recruitement* oleh industri seawal pelajar mendaftar pengajian.			· Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK

Definisi Operasi:

- ***Integrated Graduate Employability Structured Program (IGESP):*** Program kerjasama antara IPT dengan pihak industri. Contoh program adalah industri akan melatih graduan dan seterusnya mengambil graduan bekerja di syarikat di bawah ekosistem mereka. Penglibatan industri juga pada peringkat awal pembangunan program dan modul akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT agar program tersebut bersifat *industry-driven* dan merupakan program yang dapat membentuk graduan untuk memenuhi keperluan industri semasa dan akan datang.
- **Program *Apprenticeship:*** Program yang memberikan peluang kepada pelajar IPT untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari, ke dalam dunia pekerjaan sebenar dengan pemantauan oleh pakar industri.
- **Program 2u2i:** Merupakan mod program pengajian yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pekerjaan. Ia menggabungkan pembelajaran dalam kampus dan penempatan industri. Terdapat pelbagai kombinasi mod seperti 2u2i (2 tahun di universiti, 2 tahun di industri), 3u1i (3 tahun di universiti, 1 tahun di industri) dan 2u1i (2 tahun di universiti, 1 tahun di industri).
- **Program *Industry-Talent Recruitment:*** Program yang memberikan maklumat kepada industri berkaitan bakat di IPT yang bersesuaian dengan keperluan industri. Program boleh dilaksanakan dalam skala besar melibatkan pelbagai industri atau dalam skala kecil melibatkan industri terpilih.

Translational Industry Graduate Employability Roadmap (TIGeR)



RAJAH 15 : *Translational Industry Graduate Employability Roadmap (TIGeR)*

DEFINISI OPERASI

PROFILING: Proses mengenal pasti kecenderungan, minat dan keperluan pelaksanaan program intervensi kepada pelajar melibatkan peningkatan *Essentials Skills* yang diperlukan oleh pekerjaan. Proses *profiling* dilaksanakan bermula dari semester pertama pengajian dan dilaksanakan secara berkala sepanjang tempoh pengajian pelajar. Hasil daripada *profiling* akan menjadi panduan kepada IPT untuk mengenalpasti program yang bersesuaian kepada pelajar.

GRADUATE@ESSENTIALS: Program susulan yang dilaksanakan hasil daripada profiling pelajar. Program melibatkan 3 kemahiran utama *(learning skills, literacy skills dan life skills)*. Program memberikan nilai tambah kepada pelajar melalui modul/pensijilan yang diiktiraf. Contoh program/modul adalah seperti komunikasi berkesan, *critical thinking*, modul meningkatkan kreativiti dan penyelesaian masalah, peningkatan *softskills* serta modul/program lain yang diperlukan oleh pelajar untuk membantu mereka di dunia pekerjaan.

INDUSTRY TALK SERIES: Program perkongsian oleh industri. Melibatkan penerangan berkaitan prospek kerjaya, keperluan kemahiran yang diperlukan oleh industri, personaliti serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Program dilaksanakan bermula dari semester pertama dan digalakkan untuk dilaksanakan secara berkala bagi mendedahkan pelajar kepada perubahan terkini yang berlaku di industri.

INTEGRATED GRADUATE EMPLOYABILITY STRUCTURED PROGRAM: Program berstruktur bertujuan menempatkan pelajar di pekerjaan selepas tamat pengajian. Program boleh berbentuk *curriculum embedded* atau di luar kurikulum yang melibatkan kerjasama dan perbincangan dengan pihak industri. Berbeza dengan latihan industri yang dilalui oleh semua pelajar, iGESP yang bertujuan untuk menempatkan pelajar di industri selepas tamat pengajian memerlukan proses pemilihan, pemadanan dan pemantauan secara berstruktur bermula dari tahun 2. Sehubungan dengan itu *industry-talent development/recruitement* ini telah dilaksanakan dari awal dan ini akan memberikan satu jangka masa yang lebih panjang kepada IPT dan industri untuk membantu perkembangan pelajar berbanding pelaksanaan program pada tahun akhir pengajian.

TALENT, INDUSTRY PROMOTION & SPEED INTERVIEW: Program mempromosikan pelajar kepada industri untuk ditawarkan pekerjaan. Program bertujuan memberi maklumat kepada industri berkaitan *talents* yang berada di IPT yang bersesuaian dengan keperluan industri. Program boleh dilaksanakan dalam skala besar melibatkan pelbagai industri atau dalam skala kecil melibatkan industri terpilih. Proses akhir adalah *speed-interview* di mana pelajar dan industri ditemukan untuk tawaran pekerjaan.

VOLUNTEERING: Program kesukarelawanan bertujuan meningkatkan semangat berpasukan, kepimpinan serta nilai murni. Boleh dilaksanakan sendiri oleh IPT atau secara kolaborasi bersama industri atau NGO.

STUDENT@PPRN : Program melibatkan pelajar sebagai pembantu dalam program *Public Private Research Network* (PPRN) sedia ada di IPT yang bertujuan memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar di dalam penyelesaian permasalahan syarikat terutamanya yang melibatkan Industri Kecil & Sederhana (SME)

GIG ECONOMY@MOHE: Program mendedahkan pelajar menceburi bidang pekerjaan secara *freelance* yang bersesuaian dengan kemahiran mereka sebagai alternatif kepada pekerjaan secara konvensional dan terhad kepada pasaran kerja dalam negara.

ALUMNI@WORK CHAT: Program memperkasakan penglibatan alumni bersama IPT. Melibatkan perkongsian pengalaman alumni bersama pelajar bagi membantu pemilihan kerjaya serta panduan sebelum ke alam pekerjaan.

CAREER COACH TRANSFORMATION PROGRAM: Program memperkasakan Pusat Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan yang berfungsi sebagai pusat sehenti perkembangan kerjaya pelajar. Melibatkan peningkatan kemahiran tenaga kerja sedia ada sebagai *Career Coach* bertauliah serta meluaskan penglibatan semua pihak di IPT di dalam pelaksanaan program berkaitan kebolehpasaran graduan.

21st CENTURY PEDAGOGY: Proses Pembelajaran dan Pengajaran abad ke-21 yang berpusatkan pelajar dan seiring dengan revolusi teknologi dalam kaedah pembelajaran serta proses penilaian.

JOB CREATOR FRAMEWORK : Program keusahawanan berstruktur bagi melahirkan lebih ramai graduan yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan .

EMPLOYERS SATISFACTION INDEX: Kajian kepuasan majikan yang dilaksanakan oleh IPT untuk mendapatkan maklum balas daripada industri berkaitan graduan yang telah bekerja dan akan digunakan sebagai input penambahbaikan kepada IPT dalam melahirkan graduan yang diperlukan oleh industri.

Inisiatif 2:
Mempertingkatkan Aktiviti Pengiktirafan Industri

Program pensijilan profesional dapat meningkatkan peluang graduan untuk mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi. Kerjasama rapat IPT-Industri melalui pelbagai aktiviti bersesuaian, dapat mengurangkan kos pembiayaan pensijilan profesional oleh IPT, serta industri dapat mengenal pasti bakat yang diperlukan semasa pelajar masih dalam tempoh pengajian.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
3.	Melaksanakan program intervensi berstruktur untuk pensijilan tambahan yang diiktiraf oleh industri.	Bilangan program intervensi untuk pensijilan tambahan	IPTA melaksanakan sekurang-kurangnya 4 program setahun bermula 2021	· Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), KPT · Pusat Kerjaya/Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK
4.	Menerapkan pensijilan profesional dalam program pengajian akademik sedia ada/ baharu.	Peratusan program akademik sedia ada/baharu yang menerapkan pensijilan profesional	20% daripada program akademik di IPT menjelang 2025 · 2021 : 8% · 2022 : 12% · 2023 : 15% · 2024 : 18% · 2025 : 20%	· Bahagian Akademik, IPT · Fakulti, IPT · Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT · Bahagian Kurikulum, JPPKK
5.	Meningkatkan kerjasama industri bagi pembiayaan pensijilan profesional kepada graduan yang akan diserap masuk sebagai bakal pekerja dengan pendapatan yang lebih tinggi. Contohnya sesi kolaborasi dan kesedaran kepada industri tentang gaji minimum graduan TVET.	Peratusan pendapatan graduan Ijazah Pertama yang melebihi RM3,000 dalam tempoh 6 hingga 12 bulan selepas bergraduat	15% Graduan ijazah pertama mencapai pendapatan melebihi RM3,000 menjelang 2025 · 2021 : 14.3% · 2022 : 14.5% · 2023 : 14.7% · 2024 : 14.8% · 2025 : 15.0%	· Bahagian Akademik, IPT · Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK

Definisi Operasi:

- **Pensijilan Tambahan:** Pensijilan yang diiktiraf oleh industri bagi memberikan nilai tambah dalam penawaran pekerjaan di luar bidang pengajian pelajar (cth: Sijil Pemandu Pelancong kepada pelajar Pengajian Islam untuk pekerjaan sebagai Mutawwif).
- **Pensijilan Profesional:** Pengiktirafan terhadap tahap pengetahuan dan kemahiran individu. Ditauliahkan oleh agensi yang diberi kuasa dalam bidang berkaitan dan diiktiraf oleh industri.
- Program akademik sedia ada/baharu merujuk program peringkat sarjana muda (Universiti Awam) yang mempunyai pensijilan profesional seperti Perakaunan (ACCA), Teknologi Maklumat *(Microsoft Certified IT Professionals)* dan lain-lain. (Tertakluk kepada program pengajian yang berkaitan sahaja).

Inisiatif 3: Memperkasakan Keterserlahan IPT

Persepsi masyarakat dan pihak industri terhadap IPT merupakan satu daripada faktor yang mempengaruhi peluang graduan ditawarkan pekerjaan. IPT sewajarnya sentiasa memiliki keterserlahan *(visibility)* di pelbagai peringkat sama ada nasional mahupun antarabangsa. Keterlibatan pihak ALUMNI IPT secara lebih bersepadu juga mampu melonjak keterserlahan sesebuah IPT. Penjenamaan yang bermutu tinggi mewakili prestij dan keunggulan sesebuah IPT. Dengan ini, graduannya juga mampu memiliki tahap kebolehpasaran yang baik.

	AKTIVITI	MEKANISME PENGUKURAN	SASARAN	TANGGUNGJAWAB
6.	Memperkasakan penglibatan alumni dalam meningkatkan keterserlahan IPT masing-masing.	IPT melaksanakan program keterlibatan alumni	Semua IPT meningkatkan program keterlibatan alumni	· Pejabat Alumni/ Fakulti, IPT · Bahagian Mahasiswa Holistik, JPT · Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK
7.	Melonjakkan program keterserlahan dan imej graduan IPT.	IPT melaksanakan aktiviti promosi untuk meningkatkan keterlihatan dan imej positif graduan masing-masing kepada industri	Semua IPT meningkatkan program mempromosikan graduan masing-masing	· Unit Komunikasi Korporat, IPT · Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPT · Unit Komunikasi Korporat (UKK), JPPKK
8.	Membangunkan indeks kepuasan majikan terhadap graduan IPT.	Indeks kepuasan majikan terhadap graduan IPT	Semua IPT melaksanakan Indeks Kepuasan Majikan bermula 2022	· Pejabat Jaringan Industri, IPT · Fakulti, IPT · Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), JPT · Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK

Definisi Operasi:

- Program keterlibatan alumni merangkumi libat sama alumni dalam melonjakkan keterserlahan IPT masing-masing melalui program bersama IPT dan program bersama bakal majikan.
- Program mempromosikan graduan melibatkan proses memberikan maklumat kepada bakal majikan tentang graduan yang bakal dikeluarkan oleh institusi merangkumi bidang pengajian, pengkhususan, personaliti, kemahiran serta aspek lain yang telah diterapkan sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- Indeks kepuasan majikan merupakan maklum balas daripada majikan terhadap graduan yang telah diambil bekerja. Tujuannya untuk menambah baik graduan yang dikeluarkan oleh institusi.

RUMUSAN

KPT telah menetapkan empat strategi utama untuk memastikan kebolehpasaran graduan mencapai tahap yang ditetapkan. IPT dan agensi yang berkenaan perlu mengukuhkan kecemerlangan bakat graduan, memperluas peluang kerjaya graduan, mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan memperkasakan hubungan industri.

Pendekatan PSKG 2021 - 2025 memfokuskan pihak berkepentingan, termasuk pelajar, graduan dan majikan. Penekanan terhadap pengurusan berkualiti juga diberikan perhatian untuk memastikan bahawa graduan yang dikeluarkan IPT berjaya mencapai tahap kompetensi dan berkemampuan untuk menggalas cabaran dan harapan tenaga kerja yang mendatang, termasuk ekonomi digital dan mencapai piawai tahap global.

Untuk menjayakan pelan strategik ini, turut digariskan ialah langkah pelaksanaan dengan terperinci, yang akan melibatkan 13 inisiatif dan 31 aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh KPT, IPT dan agensi yang berkenaan. Di samping itu, untuk memantau keberkesanan pelan tindakan strategik ini, setiap aktiviti telah ditetapkan beberapa petunjuk utama prestasi (KPI) yang perlu dicapai.

Berikut ialah keberhasilan yang dijangkakan daripada pelaksanaan inisiatif dan aktiviti dalam Pelan Strategik ini:

	Strategi 1: Pengukuhan Kecemerlangan Bakat	**Strategi 2:** Peluasan Kerjaya Pelajar	**Strategi 3:** Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran	**Strategi 4:** Pemerkasaan Hubungan Industri
Keberhasilan Pelan Strategik	· Penguasaan bahasa Inggeris – C1 CEFR. · Graduan dengan kemahiran yang diperlukan abad ke 21. · 20% graduan bekerja di MNC. · 1.5% graduan bekerja di ASEAN/luar negara. · Graduan cemerlang akademik dan mempunyai nilai murni.	· Kadar GE>80%. · 100% kaunselor kerjaya bertauliah. · Profil kerjaya pelajar yang komprehensif. · 10% pelajar aktif dalam Ekonomi Gig. · 10% usahawan selepas bergraduat. · Graduan IPT yang memenuhi keperluan industri.	· 100% program pengajian memenuhi keperluan industri 4.0. · 45% tenaga pengajar merupakan pengamal/ pakar industri. · >30% PdP dilaksanakan bersama Industri.	· Penglibatan industri secara berstruktur melibatkan semua pelajar. · 20% program pengajian diterapkan dengan pensijilan profesional. · 15% graduan berpendapatan > RM3,000. · Indeks kepuasan majikan.

05

PEMANTAUAN DAN PENENTU KEJAYAAN

FAKTOR KEJAYAAN

Untuk memastikan bahawa inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan mencapai sasaran yang ditetapkan, maka beberapa faktor penentu kejayaan dan kaedah pemantauan telah dikenal pasti.

Kejayaan PSKG 2021 - 2025 bergantung kepada faktor berikut:

Pemantapan Tadbir Urus

Tadbir urus di kementerian serta institusi yang bertanggungjawab kepada kebolehpasaran graduan diperkasakan melalui budaya kerja positif dan inovatif dengan penglibatan semua pihak berkepentingan.

Ketersediaan Pelajar dan Graduan

Setiap pelajar dan graduan diberi pemahaman sewajarnya agar bersedia untuk lebih kreatif dan berdaya saing dalam menjayakan inisiatif yang dirancang dalam PSKG 2021 - 2025.

Penerimaan dan Kolaborasi daripada Pihak Berkepentingan

Setiap pihak berkepentingan memahami fungsi serta tanggungjawab masing-masing dan bersedia memberikan maklum balas untuk memastikan bahawa objektif pelaksanaan PSKG 2021 - 2025 tercapai.

Komitmen Warga IPT

Pelaksanaan agenda kebolehpasaran graduan menjadi tanggungjawab bersama warga IPT dan dilaksanakan secara holistik melibatkan semua pihak di institusi berasaskan PSKG 2021 - 2025 sebagai rujukan utama.

Ekosistem Kondusif dan Mapan

Penyediaan medium PdP yang bersesuaian dengan keadaan semasa dan teknologi terkini serta suasana pembelajaran yang kondusif untuk memastikan pelajar mendapat pendedahan sewajarnya, sekali gus menyediakan mereka dengan dunia pekerjaan sebenar.

Penyampaian dan Komunikasi Berkesan

Penyampaian maklumat tentang PSKG 2021 - 2025 melalui teknologi komunikasi terkini seperti infografik dan videografik, media sosial, program jerayawara, poster di lokasi dan sesi perkongsian yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan/swasta serta rakan industri dan media.

IMPAK

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025

Pihak Berkepentingan

Majikan

Merapatkan jurang pendapat serta persepsi majikan terhadap graduan IPT.

Graduan

Membangunkan graduan holistik serta peka masa hadapan sejajar dengan permintaan pasaran industri semasa.

Pelajar

Sebagai persiapan kepada pelajar IPT dalam mendepani dunia yang semakin mencabar dengan revolusi industri 4.0, serta peningkatan kepelbagaian kemahiran untuk meningkatkan peluang kebolehpasaran graduan.

IPT

Kurikulum pembelajaran serta aktiviti kemahiran insaniah dimantapkan melalui penglibatan industri dan alumni untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri *(industry – ready)*.

Rakan Strategik

Industri

Aktiviti yang inovatif melalui forum bersama IPT, kepemimpinan dan teknologi, akademia, dan usaha ke arah keusahawanan untuk melihat peluang dan ruang dalam fenomena industri 4.0 yang sangat kompetitif dalam pembentukan graduan IPT yang holistik.

Alumni

Pelebaran jaringan bersama alumni membolehkan lebih banyak peluang serta jaringan dalam meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan, sama ada terlibat dalam keusahawanan ataupun peluang kerjaya yang berkaitan.

Komuniti/NGO

Penglibatan serta jaringan bersama komuniti serta NGO dalam sebarang aktiviti di IPT dapat melahirkan graduan yang inovatif, cekap, efisien, mencari peluang serta kolaborasi pintar *(smart collaborations)* graduan.

Kementerian/ Agensi

Peningkatan kerjasama kementerian dan agensi secara tersusun dan terancang untuk menyediakan bakal pekerja yang mempunyai daya saing tinggi dan memenuhi kriteria yang diperlukan.

MEKANISME PEMANTAUAN

Untuk memastikan bahawa PSKG 2021 - 2025 dilaksanakan seperti yang telah dirancang serta sasaran yang ditetapkan dapat dicapai, maka mekanisme pemantauan dibuat melalui:

- Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SPKG), KPT Malaysia
- Peratusan pencapaian kebolehpasaran graduan IPT
- Peratusan pencapaian standard Indeks Kepuasan Majikan
- Pelaporan Pencapaian Kebolehpasaran Graduan oleh Pengurusan Tertinggi IPT kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi sekali setahun
- Mesyuarat Penyelarasan Bersama Pusat Kerjaya dan Kebolehpasaran IPT sekurang-kurangnya dua kali setahun
- Pembentangan tentang analisis data, laporan pencapaian prestasi dan isu berkaitan kepada pengurusan tertinggi IPT dua kali setahun
- Kajian Semula Pelaksanaan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 selepas dua tahun



06

PENUTUP

PENUTUP

KEBOLEHPASARAN GRADUAN MERUPAKAN AGENDA PENTING YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN SERIUS OLEH SEMUA PIHAK, MERANGKUMI PIHAK KERAJAAN, INDUSTRI, IPT, PELAJAR DAN GOLONGAN IBU BAPA.

Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 dibangunkan, agar agenda ini lebih tersusun dan terarah hala tujunya.

Keberhasilan daripada pelaksanaan strategi dan inisiatif yang dicadangkan; memperlihatkan graduan IPT yang berkemahiran tinggi serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dapat diwujudkan.

Pelan ini juga menyokong PPPM 2015 - 2025 (PT) untuk memastikan bahawa pencapaian kebolehpasaran graduan IPT di Malaysia dan peringkat global dapat dilestarikan. Komitmen, kerjasama dan sokongan padu semua pihak adalah signifikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini.

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 ialah inisiatif yang signifikan, terkini dan terkehadapan dalam memantapkan kualiti graduan yang holistik, seterusnya mempunyai daya saing tinggi untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan IPT.

Pelan Strategik ini yang berkonsepkan ekonomi digital telah mengambil kira isu serta cabaran semasa, agar graduan IPT terus kekal relevan. KPT akan sentiasa bersifat progresif dan dinamik dalam menangani isu yang berkaitan dunia pendidikan tinggi dan kerjaya pelajar. Pelan Strategik ini merangkumi empat strategi utama, iaitu:

- Pengukuhan kecemerlangan bakat;
- Peluasan kerjaya pelajar;
- Pemantapan pengajaran dan pembelajaran; dan
- Pemerkasaan hubungan industri.

Aspirasi pelan strategik ini adalah signifikan dengan hala tuju negara ke arah melahirkan graduan holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global melalui perkembangan bakat pelajar yang holistik, penyediaan ekosistem pembelajaran kondusif yang dibangunkan bersama industri dan berteraskan teknologi terkehadapan dalam merealisasikan hasrat Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025.

PELAN STRATEGIK INI AKAN MENJADI SATU DARIPADA PLATFORM UNTUK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MENJELASKAN HASRAT KERAJAAN DALAM MEMPERKASAKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN IPT.

SENARAI RUJUKAN

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 – 2025

- **Almeida, R., J. Behrman & D. Robalino (2012)**. *The Right Skills for the Job? Rethinking Training Policies for Workers*. World Bank Publications: The World Bank.
- **Craig, O (2021, Februari)**. *QS Graduate Employability Rankings 2020 Methodology*. Diambil daripada https://www.topuniversities.com/employabilityrankings/methodology
- **Deloitte (2016)**. *The 2016 Deloitte Millennial Survey: winning over the next generation of leaders*. Diambil daripada https://www2.deloitte.com/content/dam/Deloitte/global/Documents/About-Deloitte/gx-millenial-survey-2016-exec-summary.pdf
- ***Department of Statistics Malaysia Official Portal* (2021, Februari)**. Dimuat turun daripada https://www.dosm.gov.my/v1/
- ***Harris Interactive* (2011)**. *Executive Summary – The Future of Millennials' Careers*. Diambil daripada https://www.careeradvisoryboard.org/content/dam/dvu/www_careeradvisoryboard_org/Executive-Summary-The-Future-of-Millennial-Careers.pdf
- ***International Monetary Fund* (June 2020)**. *A Crisis Like No Other, An Uncertain Recovery. World Economic Outlook Update*. Diambil daripada https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/06/24/WEOUpdateJune2020
- **Jabatan Perdana Menteri (2015)**. Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 - 2020 Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019)**. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Putrajaya: Selangor: Attin Press Sdn Bhd.
- **Jabatan Pendidikan Tinggi (2017)**. *Department of Higher Education Strategic Plan* 2018 - 2022. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- **Jabatan Pendidikan Tinggi (2018)**. *Framing Malaysian Higher Education 4.0, Future-Proof Talent*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- **Jobstreet (2015, Disember)**. *Employers: Fresh Graduates Have Unrealistic Expectations*. Diambil daripada https://www.jobstreet.com.my/en/cms/ employer/wp-content/themes/jobstreet-employer/assets/loa/ report/my/JobStreet-COVID-19-Job-Report-Malaysia-Sept-2020.pdf
- **Jobstreet (2016, July)**. *Job Demand and Supply presented by Christine Chong*. Diambil daripada https://www.utm.my/department-dvcai/files/2016/08/JobStreet-com_Presentation_for_MOHE_29July2016-2.pdf
- **Jobstreet (2018)**. *Fresh Graduate Report 2018 Factsheet*. Diambil daripada https:// www.jobstreet.com.my/announcement/FTP/FACT-SHEET_FreshGraduate-Survey-2018.pdf
- **Jobstreet (2021, February)**. *Covid-19 Job Report: Malaysia, August 2020 edition*. Diambil daripada https://www.jobstreet.com.my/en/cms/employer/ wp-content/themes/jobstreet-employer/assets/loa/report/my/JobStreet-COVID-19-Job-Report-Malaysia-Sept-2020.pdf
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (2015)**. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- **Kementerian Pendidikan Tinggi (2015)**. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016 - 2020. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- **Kementerian Pengajian Tinggi (2021)**. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi: 2021 - 2025. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- **Kementerian Pengajian Tinggi (2020)**. *EIE MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi.
- **Kementerian Pengajian Tinggi (2020)**. Menggalas Amanah: Mencarta Hala Tuju, Memahat Wibawa. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- ***Khazanah Research Institute* (2018)**. *School-to-Work Transition of Young Malaysia*. Diambil daripada http://www.krinstitute.org/Publications-@-The_ School- To-work_Transition_of_Young_Malaysians.aspx
- ***Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (2019)**. *Economic Review: January 2019 Labour Market. Job Market Steady but Skewed to Low-Skilled Segment*. Diambil daripada http://www.midf.com.my/images/Downloads/Research/Econs-Msia-Jan-Labour-MIDF-110319.pdf
- ***Ministry of Higher Education Malaysia* (2012)**. *The National Graduate Employability Blueprint* 2012 - 2017. Malaysia: *Universiti Putra Malaysia Press*.
- **Pang V. Et al. (2020)**. *Academia-Industry Mobility in Malaysia: Realities and Implications for Leadership Development Programs. Journal of Institutional Research South East Asia*, 18 (1). pp. 21-39.
- ***PricewaterhouseCoopers International Limited* (2011)**. *Millennials at Work: Reshaping the Workspace*. Diambil daripada https://www.pwc.com/co/es/publicaciones/assets/millennials-at-work.pdf
- **PwC (2020)**. *Financial Services Technology 2020 and Beyond: Embracing Disruption*. Diambil daripada https://www.pwc.com/gx/en/financial-services/assets/pdf/technology2020-and-beyond.pdf
- ***QS Graduate Employability Rankings* (2021, Februari)**. Diambil daripada https:// www.topuniversities.com/university-rankings/employabilityrankings/2020
- ***QS Intelligence Unit* (2018)**. *The Global Skills Gap in the 21st Century*. Diambil daripada https://info.qs.com/rs/335-VIN-535/images/The%20Global%20Skills%20Gap%2021st%20Century.pdf
- **Ranstad Malaysia (2020)**. *56% of millennials want to be entrepreneurs.workmonitor 2020:January-June*. Diambil daripada https://marketinginasia.com/wp-content/uploads/2020/06/Randstad-Malaysia-Workmonitor-1H-2020-56-of-millennials-want-to-be-entrepreneurs.pdf
- **Thomas Alsop (2020)**. *Global Technology Market Spending from 2014 to 2019*. Diambil daripada https://www.statista.com/statistics/886397/total-tech-spending-worldwide/
- **The Star (2019, 6 April 2019)**. *Working in the Gig Economy*. Diambil daripada https:// www.thestar.com.my/business/business-news/2019/04/06/workingin-the-gig-economy
- ***World Economic Forum* (2015)**. *Industry Agenda, New Vision for Education, Unlocking the Potential of Technology*. Diambil daripada https://www.academia.edu/33277014/ New_Vision_for_Education_Unlocking_the_Potential_of_Technology_Industry_Agenda_Prepared_in_collaboration_with_The_Boston_Consulting_Group
- ***World Economic Forum* (2020)**. *The Future of Jobs Report 2020*. Diambil daripada http://www3.weforum.org/docs/WEF_Future_of_Jobs_2020.pdf

PENGHARGAAN

Pengurusan Tertinggi Kementerian

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi
Dato' Mansor Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha
Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Datuk Rosli Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)
Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi
Ts. Zainab Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Jawatankuasa Kerja

Dato' Shaharuddin Abu Sohot
Fazli Said
Prof. Madya Dr. Wan Zuhanis Saad
Ts. Salwati Badroddin
Maslinda Haron
Baizura Mohd Zainon
Izawati Anwar Sham Sun Anwar
Syerie Noer Hidayaty Muhamad Basir
Syazriza Zulkapli
Nur Fatin Affiza Ariffin
Nur Nadia Mohd Asri
Wan Zutini Zabery

Kumpulan Penulis & Penggubal

Prof. Dr. Noor Azman Ali (UPM)
Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali@Hamid (UPM)
Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng (UMS)
Dr. Mohd Shaari Abd. Rahman (UMT)
Saiful Redza Mohamed (UIAM)
Dr. Siti Fazriah Raja Mohamed (KPT)
Suaibatul Aslamiah Abdul Halim (MOSTI)
Ts. Mohd. Zulkefli Ibrahim (JPPKK)
Mohd Asyraf Md. Sum (JPPKK)

Kumpulan Penyunting Bahasa

Prof. Madya Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram (UPM)
Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh (UPM)

Kumpulan Editorial

Prof. Dr. Ishak Yussof (UKM)
Prof. Dr. Fariza Md Sham (UKM)
Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden (USM)
Prof. Madya Dr. Jamalsafri Saibon (USM)

PENGHARGAAN

Kementerian, Jabatan, Agensi dan Industri

- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Tenaga. Sains, Teknologi dan Inovasi
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
- Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia (LHDN)
- Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC)
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)
- Khazanah Research Institute (KRI)
- Construction Industry Development Board (CIDB)
- Talent Corporation Malaysia Berhad (Talentcorp)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)
- Professional Training & Education for growing Entrepreneurs (Protégé)
- Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia
- World Bank (Malaysia)
- JobStreet
- Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
- National Chamber of Commerce
- Federation of Malaysian Manufacturers

Dan semua pihak serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025.

SINGKATAN

ACCA	*Association of Chartered Certified Accountants*
ASEAN	*The Association of Southeast Asian Nations*
BIPD JPPKK	Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
BKIK JPPKK	Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
BKIM JPT	Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, Jabatan Pendidikan Tinggi
BKPK JPPKK	Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
BKTVET JPPKK	Bahagian Koordinasi TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
BPPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
CEFR	*Common European Framework of Reference for Languages*
PSMB	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
I-GESP	*Integrated Graduate Employability Structured Program*
IBM	*International Business Machines Corporation*
iCGPA	Sistem Purata Gred Kumulatif atau Integrated Cumulative Grade Point Average
IoT	*Internet of Things* atau Internet Benda
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IR4.0	Revolusi Perindustrian Ke-4
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KPI	*Key Performance Indicator* atau Petunjuk Prestasi Utama
MEA	*Malaysia English Assessment*
MNC	*Multinational Corporation*
MTUN	*Malaysian Technical University Network* atau Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia
NGO	*Non-Governmental Organization*
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)
PSKG	Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025
PwC	PricewaterhouseCoopers
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SDG	*Sustainable Development Goal*
TESL	*Teaching English as a Second Language*
TIGeR	*Translational Industry Graduate Employability Roadmap*
TVET	*Technical and Vocational Education Training* atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UKK	Unit Komunikasi Korporat

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Ringkasan Eksekutif PSKG
Rajah 2	10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)
Rajah 3	Penarafan QS Kebolehpasaran Graduan Tahun 2020 *(QS Graduate Employability Rankings)*
Rajah 4	Struktur Tadbir Urus Kebolehpasaran Graduan IPT.
Rajah 5	Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) IPT, 2016 - 2020
Rajah 6	Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) mengikut IPT 2020
Rajah 7	Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian IPT, 2019 - 2020
Rajah 8	Peratus Kemahiran yang Diperlukan Majikan Berbanding Akademik
Rajah 9	10 Kemahiran Teratas 2025
Rajah 10	Peratusan Jangkaan Kadar Teknologi 2025
Rajah 11	Perubahan Permintaan Kemahiran Pekerjaan
Rajah 12	Ketidaksepadanan Gaji Graduan TVET
Rajah 13	Trend Pekerjaan di Malaysia yang berubah mengikut trend global
Rajah 14	Rumusan Hubung Kait Antara Isu, Strategi dengan Keberhasilan
Rajah 15	*Translational Industry Graduate Employability Roadmap (TIGeR)*

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 - 2025

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pengajian Tinggi
No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

www.mohe.gov.my

PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021 - 2025